

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"CARILAH idea dan contoh yang baik, bukan dengan tujuan meniru-niru reka bentuk orang lain, tetapi apa salahnya kalau setakat untuk mendapatkan idea-idea baharu dan besar?"
- Titah Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Bagi Tahun 1435H / 2014M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN apa jua musibah yang menimpa kamu, maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa kamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Syura, ayat 30.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.49 SUBUH 4.59 SYURUK 6.22 DUHA 6.46 ZUHUR 12.18 ASAR 3.40 MAGHRIB 6.12 ISYAK 7.27

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 152

19 DISEMBER 2020 / 1442 جمادى الأولى 4

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Qatar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar; Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Khalid bin Khalifa bin Abdul Aziz Al Thani dan kerajaan serta rakyat Qatar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar;

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Khalid bin Khalifa bin Abdul Aziz Al Thani dan kerajaan serta rakyat Qatar sempena Hari Kebangsaan Qatar.

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 18 Disember 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 152

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 149

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Pengarah Jabatanarah Dasar Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Haji Adi Itham bin Dato Paduka Haji Mahmud dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Kementerian Pertahanan.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuatkuasa mulai Sabtu, 4 Jamadilawal 1442 bersamaan 19 Disember 2020.

COVID-19 : 1 kes sembuh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Disember. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) masih kekal

sebanyak 152 kes.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 226 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Ke muka 7



BRUNEI DARUSSALAM

2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn

infodept_bn

Tidak boleh leka, teruskan langkah berjaga-jaga



TITAH Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disiarkan secara virtual pada Sambutan Majlis Ilmu 2020 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-74 pada Selasa, 29 Rabiulakhir 1442 Hijrah bersamaan 15 Disember 2020 Masihi, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, Majlis Ilmu tahun ini masih saja dapat diungkayahkan, walaupun negara masih berwaspada terhadap penularan wabak coronavirus.

Sehubungan itu, beta berpendapat, kita masih saja tidak boleh leka dengan keadaan sekarang. Usaha dan langkah berjaga-jaga masih saja perlu diteruskan, dengan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa terus diamalkan.

Sesuai dengan tema Majlis Ilmu pada tahun ini iaitu 'Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah', kita tidaklah wajar untuk lupa bersyukur di atas limpah kurnia Allah menyelamatkan kita dan negara dari wabak yang sedang

menular itu. Tema ini cukup relevan untuk dibincangkan oleh para ilmuwan yang terdiri daripada para ulama, pakar perubatan dan kesihatan, serta juga ahli akademik. Ia tidak syak lagi adalah perkara penting, kerana kesihatan merupakan anugerah Allah yang amat berharga.

Sejajar dengan tuntutan agama, maka inilah masanya untuk semua pihak komited dengan perkara kesihatan. Kerana itu juga dianggap satu cara untuk mengelakkan jangkitan wabak.

Pada hemat beta, sesuai dengan suasana

Majlis Ilmu, tidak syak lagi, perkara wabak coronavirus mustahak untuk dibuat kajian dan huraian termasuk mencari jawapan mengapa wabak ini alhamdulillah, dapat dikawal dengan berkesan di negara kita, adakah pada pendapat para ilmuwan, bahawa di antara sebabnya ialah, kerana kita terus mematuhi piawaian standard antarabangsa, di samping secara konsisten menggunakan 'vaksin ketuhanan' berupa ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa?

Perkara ini penting, kiranya dengan kajian dan huraian itu akan dapat menyingkap sedikit hikmah di sebalik kejadian. Sesungguhnya hikmah itu mampu untuk memberi impak kepada jiwa sebagai pengajaran.

Kita semua yakin, setiap kejadian yang didatangkan oleh Allah adalah tidak sunyi dari mengandungi hikmah. Kerana itu ia perlu difahami dan dipelajari untuk mengetahui hikmah itu. Jika hikmah dapat diketahui walaupun sedikit, maka kesannya adalah mampu untuk menumbuhkan keinsafan atau kesedaran di hati kita. Inilah harganya hikmah itu.

Beta dari dahulu lagi mengharapkan, supaya Majlis Ilmu berupaya, untuk memacu kesedaran beragama dan bermasyarakat. Ia beta lihat sebagai mampu untuk memainkan peranan khusus dalam bidang keilmuan dan dakwah, iaitu apabila di antara acara-acaranya ialah berupa forum atau seminar dan ceramah. Ini semua tidak diragukan lagi adalah wadah ke arah penyebaran ilmu dan dakwah itu.

Beta optimis, Majlis Ilmu memang mampu untuk mencipta visi dan misi yang berkeadilan bagi negara. Kerana itu, adalah sesuai untuk ia terus diadakan dari tahun ke tahun untuk meraih manfaat daripadanya.

Akhirnya, beta mendoakan, semoga semua pihak yang berkenaan bagi menjayakan Majlis Ilmu ini, akan sentiasa dikurniakan dengan kesihatan, supaya mereka dapat terus berbakti melaksanakan khidmat masing-masing kepada negara.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

"PADA hemat beta, sesuai dengan suasana Majlis Ilmu, tidak syak lagi, perkara wabak coronavirus mustahak untuk dibuat kajian dan huraian termasuk mencari jawapan mengapa wabak ini alhamdulillah, dapat dikawal dengan berkesan di negara kita, adakah pada pendapat para ilmuwan, bahawa di antara sebabnya ialah, kerana kita terus mematuhi piawaian standard antarabangsa, di samping secara konsisten menggunakan 'vaksin ketuhanan' berupa ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa?"

Dari Sidang Pengarang.

19 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 جمادى الأولى 4

NIKMAT KESIHATAN ASAS PENTING CAPAI KEHIDUPAN SEMPERTNA

KESIHATAN merupakan harta yang paling bernilai untuk masa depan. Semasa sihat kita mungkin tidak akan memikirkan tentang kepentingan menjaga kesihatan. Namun apabila kita diserang penyakit barulah kita akan sedar akan kepentingan diberikan nikmat kesihatan tubuh badan.

Dengan memiliki tubuh badan yang sihat akan memudahkan kita melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan. Bagi anak-anak, mereka dapat ke sekolah menimba ilmu manakala ibu bapa dapat mencari rezeki untuk keluarga. Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa mengingatkan diri kita agar mengekalkan kesihatan bagi menikmati kehidupan dengan selesa serta mengambil langkah-langkah agar kesihatan kita terjamin.

Di negara kita, Kementerian Kesihatan amat menitikberatkan penjagaan kesihatan penduduknya kerana ia memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan, kestabilan dan kedayatahan sosioekonomi negara.

Sementara itu, dari sudut agama pula penjagaan kesihatan amat penting selaras dengan sabda Nabi Sallallahu Alahi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Muaz bin Rifa'ah Radiallahuanhu meriwayatkan daripada ayahnya, bahawa dia berkata : Abu Bakar berdiri di atas mimbar, lalu menangis dan berkata : Rasulullah Sallallahu Alahi Wasallam berdiri di atas mimbar pada tahun pertama (Hijrah), lalu menangis dan bersabda :

Maksudnya : "Mintalah kepada Allah pengampunan dan keafiatan (kesihatan) kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik dari keafiatan (kesihatan) selepas mendapat keyakinan (iman)".

Dalam hal ini menunjukkan betapa tingginya nilai nikmat kesihatan tersebut kerana ia adalah asas untuk mencapai kehidupan yang sempurna. Selain itu, kesihatan adalah faktor yang amat penting dan merupakan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang diharapkan oleh hamba-hamba-Nya kerana dengan nikmat sihat itu, kita dapat menunaikan kewajiban dunia dengan aman sejahtera dan melaksanakan amal ibadat dengan khusyuk, nyaman dan sempurna. Justeru, memandang kesihatan sebagai tingginya nilai kesihatan ini maka adalah menjadi kewajiban kita untuk sentiasa menjaganya.

Oleh yang demikian, kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini haruslah melakukan langkah-langkah yang wajar bagi memastikan kesihatan kita berada dalam keadaan baik dengan melakukan pemeriksaan kesihatan dan mengikut saranan pakar perubatan. Di samping itu, seseorang perlu melakukan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya dua kali setahun atau enam bulan sekali. Pemeriksaan ini meliputi tekanan darah, paras gula dalam darah, tahap kolesterol dan sebagainya.

Tujuan pemeriksaan ini dibuat untuk memastikan tahap kesihatan kita berada dalam keadaan terbaik dan dapat mengesan penyakit kronik dengan lebih awal seperti penyakit darah tinggi, kencing manis dan lain-lain, mencegah lebih baik daripada mengubatinya.

Oleh itu, penjagaan kesihatan hendaklah menjadi fokus utama dalam kehidupan kita seharian. Apabila badan kita sihat insyaaAllah apa sahaja yang akan dilakukan dapat dilaksanakan dengan baik. Jika rakyat dan penduduk di negara ini memiliki kesihatan yang baik maka mereka akan mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan dan kemakmuran negara dan dapat merealisasikan visi Kementerian Kesihatan 2035, 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.
- Ketua Penyuntingan (Rd)

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
32 25 °C	32 25 °C	30 25 °C
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C

Wallaahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	SABTU	4	4.49	4.59	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	AHAD	5	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
21	ISNIN	6	4.50	5.00	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
22	SELASA	7	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
23	RABU	8	4.51	5.01	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	KHAMIS	9	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
25	JUMAAT	10	4.52	5.02	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN **991** | POLIS **993** | BOMBA **995** | PENYELAMAT **998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC **2380214**

Papar momen istimewa perwakilan asing



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat dan merasmikan Pameran Fotografi bertajuk : 'Brunei Darussalam from the Eyes of Foreign Diplomats and their Families' anjuran perwakilan-perwakilan asing, Ketua-ketua Perwakilan di NBD. Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (atas dan atas kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, penting dalam hubungan dua
Rabu, 16 Disember. - Sebagai hala antara Negara Brunei
menghargai perkembangan Darussalam (NBD) dan



perwakilan asing yang menetap di negara ini, selain penghargaan terima kasih kepada pihak kerajaan dan rakyat NBD kerana memperlihatkan layanan yang baik kepada perwakilan-perwakilan asing, Ketua-ketua Perwakilan di NBD menganjurkan Pameran Fotografi bertajuk : 'Brunei Darussalam from the Eyes of Foreign Diplomats and their Families'.
Sehubungan itu, Majlis

Perasmian Pameran Fotografi 'Brunei Darussalam from the Eyes of Foreign Diplomats and their Families' diserikan lagi dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

(B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut menjunjung keberangkatan Yang Teramat Mulia, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari selaku Ketua Perwakilan Asing; dan ketua-ketua perwakilan asing yang juga ahli-ahli jawatankuasa pameran tersebut.

Majlis perasmian tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Tuan Yang Terutama dalam sembah alu-aluannya antara lain berkata, pameran anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) itu, mempamerkan sebanyak 109 gambar dengan tema yang berbeza dan dipilih daripada lebih 210 foto yang disumbangkan oleh 19 perwakilan asing yang menetap di negara ini.

Pameran tersebut, sembah TYT, memaparkan gambar-gambar pemandangan indah dan momen-momen istimewa yang dinikmati oleh perwakilan-perwakilan asing di negara ini, di mana akan sentiasa mereka kenang di mana sahaja mereka berada.

Ke muka 4



YANG Teramat Mulia semasa berkenan menyaksikan pameran (kiri). Sementara gambar bawah kiri sekali, antara perwakilan-perwakilan asing, Ketua-ketua Perwakilan di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang hadir pada majlis berkenaan.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin (kiri). Sementara gambar kiri tengah, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD selaku Ketua Perwakilan Asing ketika menyebarkan sembah alu-aluan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima pesambah dari Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan berkenan menyaksikan pameran tersebut (atas dan kiri).

Dari muka 3

Sembahnya lagi, walaupun beberapa foto yang dipamerkan mungkin tidak memenuhi piawaian tinggi dari segi resolusi dan teknik-teknik lain yang berkaitan dengan fotografi namun pengertian yang dibawakan oleh foto-foto itu tentu sahaja menunjukkan jumlah nilainya.

Oleh itu, sembahnya, pameran berkenaan akan menjadi peluang bagi rakan-rakan dari Brunei untuk melihat

aspek-aspek biasa di negara mereka yang indah melalui lensa perwakilan-perwakilan asing.

Pada majlis tersebut, YTM berkenan menyaksikan tayangan video pendek mengenai foto-foto yang terpilih dan seterusnya berkenan merasmikan pameran tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM berkenan menyaksikan Pameran Fotografi 'Brunei Darussalam from the Eyes of Foreign Diplomats and their Families'

dan dijunjung bergambar ramai bersama Perwakilan-perwakilan Asing di negara ini.

Pameran Fotografi tersebut dibuka bagi kunjungan orang ramai sehingga 26 Disember 2020 dan dijadualkan pelancarannya di Daerah Belait pada 29 Disember 2020; Daerah Temburong pada 9 Januari 2021; dan di Daerah Tutong pada 23 Januari 2021.

Dalam pada itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke NBD, Tuan Yang

Terutama Mehmet Suat Akgun semasa ditemu bual Pelita Brunei berkata, gambar-gambar yang diambil oleh beliau dan rakan-rakan perwakilan asing yang lain, merupakan gambar-gambar yang menarik perhatian mereka.

Menurut Tuan Yang Terutama lagi, tema gambar seperti matahari terbenam dan langit NBD yang indah serta Masjid Omar 'Ali Saifuddin menjadi salah satu tarikan mercu tanda

yang ada di negara ini dan dijadikan sebagai koleksi untuk para perwakilan asing di negara ini.

Beliau seterusnya berharap agar orang ramai akan datang berkunjung dan menyaksikan pameran tersebut, di mana ia adalah sebagai salah satu tanda penghargaan daripada para perwakilan asing kepada penduduk di negara ini yang sentiasa mengalu-alukan kehadiran mereka di sini.



YANG Teramat Mulia bersama Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz berkenan bergambar ramai bersama Perwakilan-perwakilan Asing, Ketua-ketua Perwakilan di NBD pada Pameran Fotografi bertajuk : 'Brunei Darussalam from the Eyes of Foreign Diplomats and their Families' anjuran Perwakilan-perwakilan Asing, Ketua-ketua Perwakilan berkenaan (atas).

TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke NBD semasa ditemu bual (kiri), sementara gambar kiri sekali, antara foto-foto yang dipamerkan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Penghargaan atas sumbangan, jasa bakti

GADONG, Rabu, 16 Disember. - Dalam menghargai jasa, sumbangan dan khidmat bakti mereka yang telah sama-sama mengembang dan memajukan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan anak syarikatnya, baru-baru ini diadakan Majlis Penghargaan Perkhidmatan Badan Tanmiah Harta MUIB dan Anak Syarikat berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua MUIB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah dan mantan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah, Pegawai-pegawai Kanan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengarah serta pegawai dan kakitangan Badan Tanmiah Harta MUIB dan anak syarikatnya, Stesen Minyak dan Perniagaan Badan Tanmiah.

Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Awang Haji Noor Hadi bin Haji Noor Kaseh dalam ucapan alu-aluannya berkata, majlis berkenaan diadakan adalah bagi meraikan dan mengenang jasa serta menghargai sumbangan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) (kanan) menyampaikan sijil kepada mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan mantan Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada Majlis Penghargaan Perkhidmatan Badan Tanmiah Harta MUIB dan Anak Syarikat (kiri dan kanan).

mantan Pengerusi dan mantan Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan mantan Pengarah serta pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat bersama Badan Tanmiah yang merupakan sumbangan dari segi tenaga dan buah fikiran demi mengukuhkan dan mengembangkan Badan Tanmiah semenjak penubuhannya lebih 25 tahun yang lalu.

"Jasa bakti dan sumbangan berupa tenaga, masa, buah fikiran, pandangan dan bimbingan dari setiap individu, serta komposisi unik dari kumpulan individu yang arif, mahir dan berpengalaman dalam bidang masing-masing, tidak dapat disangkal lagi dan telah menyumbang kepada kejayaan tersebut," ujarnya.

Badan Tanmiah, tambahnya akan sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan dengan mengambil iktibar bimbingan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan

Tanmiah dan seterusnya berperanan yang dinamik dan sentiasa progresif ke arah perkembangan dan kemajuan yang berpotensi untuk peningkatan Badan Tanmiah.

Sehubungan dengan itu ujarnya, Badan Tanmiah insyaaAllah akan menyediakan Perancangan Strategik bagi tahun 2021 hingga 2023 dan merangka perancangan-perancangan untuk jangka masa lima tahun yang akan datang.

Majlis diadakan bagi meraikan dan menghargai mantan-mantan Pengerusi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah dan Pengarah atas sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam mengembangkan Badan Tanmiah dan anak syarikatnya.

Antara yang diraikan pada majlis tersebut, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; mantan Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Ketua Hakim Syari'e, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; mantan Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; mantan Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji

Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah MUIB, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Turut diraikan dalam majlis tersebut, pegawai dan kakitangan yang telah lama berkhidmat bersama Badan Tanmiah dan anak syarikatnya.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian cenderahati-cenderahati penghargaan kepada penerima-penerima oleh tetamu kehormat.

Semenjak mula penubuhan Badan Tanmiah Harta MUIB pada tahun 1994, badan ini mula giat memperkembang sebahagian daripada harta Baitul Mal melalui perancangan teratur dan pelaburan patuh syarak seperti kemajuan tanah-tanah Baitul Mal dan penubuhan anak syarikat.

Badan Tanmiah Harta MUIB teroka pelaburan alternatif

GADONG, Rabu, 16 Disember. - Sepanjang lebih 26 tahun sejak penubuhannya, Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) berjaya mengukuhkan projek-projek bagi pengembangan dan pelaburan harta-harta Baitul Mal, terutama di bidang pelaburan dan hartanah.

Sehingga kini, Badan Tanmiah berjaya melaksanakan 18 buah projek hartanah dan pada tahun 2020 ini, dua projek siap dibina, iaitu Projek Pembinaan 2 Unit Rumah Kediaman Dua Tingkat di Kampung Rimba dan Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Sekolah dan Surau yang terletak di Kampung Anggerek Desa, sementara satu Projek Pembinaan Rumah Kediaman Dua Tingkat di Kampung Mumong Kuala Belait pada masa ini pada peringkat akhir pembinaannya dan dijangka siap pada penghujung tahun

2020 ini.

"Sesungguhnya penglibatan Badan Tanmiah dalam mengembang dan memajukan harta Majlis Ugama Islam Brunei yang sedia ada setakat ini adalah menerusi pelaburan yang kurang berisiko mengambil kira harta Baitul Mal ini adalah harta yang berkait dengan kepentingan umat Islam".

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Penghargaan Perkhidmatan Badan Tanmiah Harta MUIB dan Anak Syarikat yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan panduan dan *guidance* yang diberikan dari semasa ke semasa oleh MUIB, insyaaAllah pada masa akan datang, Badan Tanmiah Harta MUIB akan meneroka bidang-bidang lain, selain daripada pelaburan dalam *real estate* dan juga hartanah.

Menurut Yang Mulia, bidang-bidang seperti pertanian, perikanan dan sebagainya merupakan bidang pelaburan alternatif yang boleh diceburi oleh badan ini dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepakaran dan berkemahiran dalam bidang tersebut.

"Dalam mendepani arus semasa, operasi perniagaan nampaknya menunjukkan perkembangan yang begitu cepat dan pesat, sifatnya lebih kompleks dan mencabar," jelas Yang Mulia.

Dalam hal ini tambah Yang Mulia, bagi Badan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua MUIB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Perkhidmatan Badan Tanmiah Harta MUIB dan Anak Syarikat.

Tanmiah itu sendiri tidak terkecuali dari menghadapinya dan perkara ini perlu juga Badan Tanmiah melihatnya, apatah lagi ia bersangkut paut dengan pelaksanaan operasi perniagaan.

Justeru, ujar Yang Mulia, Badan Tanmiah perlu mengambil langkah-langkah proaktif dan berkesan dalam mempelbagaikan dan menembusi bidang-bidang perniagaan yang bukan sahaja didominasi oleh produk-produk berunsurkan pelaburan dan hartanah (*real estate*) sahaja, malah perlu juga menceburi dan ikut serta dalam sektor-sektor perniagaan yang lain yang boleh menampakkan perkembangan dan peningkatan pendapatan bagi tahun 2021 dan tahun-tahun seterusnya.

"Sehubungan itu, ke arah menyokong ekonomi yang mampan dan berdaya saing, peramba / kaola / saya percaya dengan bimbingan bijaksana dan panduan serta hala tuju yang jelas daripada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua MUIB dan Ahli-ahli MUIB dan juga Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Pengarah dan pegawai-pegawai serta kakitangan Badan Tanmiah, insyaaAllah akan dapat menampilkan idea-idea baharu ke arah merealisasikan hasrat tersebut," terang Yang Mulia.

Justeru, pelan strategik yang telah dan sedang dan akan dilaksanakan bagi merebut visi, misi, objektif utama, nilai-nilai teras dan KPI Badan

Tanmiah adalah sangat penting dan akan terus diperkasakan dalam merencana kepelbagaian pelaburan MUIB.

Yang Mulia seterusnya menyeru kepada para warga Badan Tanmiah Harta MUIB supaya akan terus berusaha bagi menyediakan inisiatif-inisiatif, terutama menjurus ke arah mempelbagaikan perniagaan harta Badan Tanmiah dengan baik dan teratur.

"Perancangan yang teratur dan berkesan akan memberikan manfaat dan impak yang besar kepada harta Badan Tanmiah itu sendiri, malah ia jua sekali gus boleh meningkatkan dan memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi negara," ujar Yang Mulia lagi.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa berucap.

Ekspresikan diri lebih positif kepada kehidupan lebih sihat - P.E.E.R

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 17 Disember. - Seramai 36 peserta Program 'Peer Empathize and Embracing Resilience' (P.E.E.R) menerima sijil masing-masing, pada acara Kemuncak Program



DAYANG Nurhasnina binti Sambong, Ketua Peserta 'P.E.E.R' semasa berucap.

P.E.E.R, yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Saidah binti Haji Wahid.

Program P.E.E.R yang dianjurkan oleh KKBS melalui Unit Kaunseling Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), diadakan selama tiga hari, bermula 15 Disember 2020 itu bagi mempersiapkan masyarakat dengan kemahiran bersesuaian juga pengetahuan

mengenai kesihatan mental melalui kaedah kaunseling dan bimbingan.

Objektif program tersebut diadakan adalah untuk menjadikan para belia sebagai sistem sokongan kepada rakan belia lain, yang mengalami masalah kesihatan mental, di samping melengkapkan para belia dengan kemahiran dalam mengenal pasti masalah kesihatan mental, berempati dan menyelesaikan masalah melalui kaedah perbincangan dan mengekspresikan diri melalui *creative arts* untuk lebih berdaya tahan.

Tema Program P.E.E.R pada tahun ini, Kindness and Selfcare, sejajar dengan tema Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia dan diadakan dengan kerjasama Alumni P.E.E.R Sesi Tahun 2019; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Al-Amin Recovery Management; Cureheart dan Art by Nazeerah.

Melalui program tersebut, para belia berkemampuan untuk mengekspresikan diri kepada sesuatu yang lebih positif, seterusnya menjurus kepada kehidupan yang lebih sihat juga memberikan pulangan balik kepada masyarakat.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada peserta Program 'Peer Empathize and Embracing Resilience' (P.E.E.R).



ANTARA yang hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program P.E.E.R tersebut.

Persediaan pengendalian BPP 2021 dibarigakan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi I - Zon 2; Ketua Pengarah Perancangan, Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya; dan Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin antara yang hadir pada Sesi Muzakarah BPP 2021 bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, di Daerah Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 17 Disember. - Dalam sama-sama memastikan pelaksanaan BANCI penduduk berjalan dengan lancar dan teratur, satu Sesi Muzakarah diadakan bertujuan untuk membarigakan mengenai Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021, seterusnya mengeratkan lagi kerjasama di antara Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Sehubungan itu, JPES, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal

Negeri meneruskan Sesi Muzakarah bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, di Daerah Belait sebagai persediaan bagi pengendalian BPP 2021.

Hadir pada Sesi Muzakarah tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi I - Zon 2.

Juga hadir semasa Sesi Muzakarah tersebut, Ketua Pengarah Perancangan, Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya; dan Pegawai Daerah Belait, Awang

Ramlee bin Haji Jamudin.

Taklimat mengenai BPP 2021 disampaikan oleh Penolong Penguasa BPP 2021 bagi Daerah Belait, Awang Mohammad Hazim bin Haji Ramlee, diikuti dengan sesi soal jawab dan pembarigakan mengenai aktiviti operasi kerja-kerja luar banci.

BPP 2021 merupakan banci keenam bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan dikendalikan dalam tiga peringkat, iaitu Peringkat pertama : Penyenaraian tempat kediaman (*houselisting*) mengikut kampung/kawasan di setiap daerah, di seluruh negara, mulai 20 Januari hingga 21 Februari 2021; Peringkat kedua : Pengendalian e-Census, mulai 20 April hingga 21 Jun 2021; dan Peringkat ketiga : Temu duga bersemuka, mulai 20

Berhati-hati menjawab panggilan telefon tidak dikenali

Siaran Akhbar :
Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) memaklumkan bahawa beberapa pelanggan talian tetap dan mudah alih menerima panggilan memberitahu mereka bahawa mereka mempunyai bungkusan untuk dikutip daripada syarikat penghantaran.

Walaupun panggilan ini muncul dengan kod negara Brunei, iaitu +673, ia diikuti dengan nombor telefon 8 digit. Ini adalah nombor palsu kerana nombor telefon Brunei hanya mempunyai 7 digit.

AITI ingin meyakinkan orang ramai bahawa Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) bersama rakan antarabangsa, kini sedang menyiasat dan memantau sumber panggilan juga lalu lintas ini untuk memastikan panggilan tersebut disekat sebelum menghubungi pelanggan talian mudah alih dan talian tetap.

Sebagai sebahagian daripada usaha AITI untuk melindungi kepentingan para pengguna, para pelanggan dinasihatkan untuk 1) Sentiasa berhati-hati semasa menjawab panggilan dari nombor yang tidak dikenali; dan 2) Jangan sekali-kali memberikan maklumat peribadi awda melalui telefon.

Sekiranya ada pelanggan yang memberikan perincian peribadi mereka kepada apa yang mereka percayai adalah panggilan palsu, disarankan agar mereka menghubungi Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) untuk membuat laporan rasmi.

Manakala, 3) Hubungi syarikat penghantaran untuk mengesahkan jika permintaan untuk pengambilan bungkusan adalah benar.

Julai hingga 2 Ogos 2021.

Banci yang akan diungkapkan tersebut meliputi semua orang, sama ada Rakyat NBD, penduduk tetap atau penduduk sementara yang tinggal di NBD, pada tahun 2021.

Data yang dikumpul melalui BPP 2021 akan membekalkan maklumat komprehensif mengenai penduduk mengikut ciri demografi, sosial dan ekonomi, di samping maklumat mengenai

jumlah stok tempat kediaman juga kemudahan atau keperluan asas perumahan.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021, boleh dirujuk ke JPES dengan menghubungi +673 2233344 semasa waktu pejabat atau e-mel ke support.brucensus@jpes.gov.bn.

Maklumat lebih lanjut mengenai BPP 2021 boleh didapati di portal BPP 2021, www.brucensus.gov.bn.

Jenama DUFFvitC lancar produk baharu



BERANGKAT pada Majlis Pelancaran Produk Baharu Jenama DUFFvitC ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari (atas). Sementara gambar atas kanan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber dan Pelancongan (dua, kiri) hadir menyempurnakan pelancaran produk berkenaan, seterusnya menerima cenderahati daripada Awang Mohammad Gaddafi bin Haji Shadoon (dua, kanan).

SALAMBIGAR, Jumaat, 18 Disember. - Satu lagi produk baharu jenama DUFFvitC dilancarkan di Pusat Membeli-belah One City, di sini. Produk DUFFvitC terkini iaitu berperisa *lemon lime* kini boleh diperolehi di pasaran tempatan yang menjanjikan satu pilihan terbaik kepada orang

ramai. Berangkat pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari. Terdahulu, majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber dan Pelancongan

(KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali. Semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, salah seorang pengasas produk berkenaan, Awang Mohammad Gaddafi bin Haji Shadoon berkata, sejak produk berkenaan memasuki pasaran tempatan selama lima minggu di bulan Mac tahun ini, lebih 40,000



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

botol produk DUFFvitC perisa strawberi berjaya dijual. Menurut beliau lagi, pada mulanya idea menghasilkan produk tersebut hanyalah bualan kosong sahaja di antara beliau dan dua lagi rakan pengasas, iaitu Mohd. Hafizal dan Nicolas Lai akan tetapi di atas kezaman yang

kuat ingin menghasilkan sesuatu yang sihat dan selamat untuk dikonsumsi oleh bukan sahaja dewasa, malah kanak-kanak, maka terhasilah produk tersebut. Turut hadir, para pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP.

Syukuri dan hargai nikmat Allah

TEMBURONG, Jumaat, 18 Disember. - Pertukaran hari, bulan dan tahun hakikatnya menyeru kita untuk bersyukur atas nikmat Allah

Subhanahu Wata'ala yang menganugerahkan kepada kita masa dan umur untuk menjalani kehidupan di dunia.

Malah menyeru kita untuk berfikir dan merenung betapa kita telah menggunakan nikmat-nikmat tersebut di dalam ketaatan atau sebaliknya.

Apabila masuknya Tahun Baharu, selaku umat Islam seharusnya ada beberapa yang harus ditekankan dalam ketika kita bergembira menurut perspektif Islam, antaranya menghindarkan diri daripada sebarang Tasyabbuh (penyerupaan) atau mengikut budaya perayaan orang tidak beriman kerana daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya, "*Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka*". (Hadis riwayat Al-Imam Abu Daud)

Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim semasa memberikan tazkirah sedemikian yang bertajuk 'Tahun Baru Dalam Perspektif Islam' pada Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442H / 2020M bertempat di Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong, awal pagi tadi.

Awang Hilman juga menekankan, kita sewajarnya mensyukuri dan menghargai



PENGARAH Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim semasa memberikan tazkirah.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (depan, tiga dari kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442H / 2020M.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

nikmat Allah (umur dan masa) kerana umur yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia adalah amanat yang harus dijaga dengan baik dan harus diisi dengan kebaikan-kebaikan dan amal soleh. Nilai umur manusia tidak ditentukan oleh panjang atau pendeknya, melainkan oleh kualiti amal yang diperbuat dalam masa hidupnya.

Selain itu, beliau menambah, bertafakur dan muhasabah, iaitu menghitung amalannya di tahun yang telah lalu dan Tadzakkur (teringat) akan dosa-dosanya, hingga hatinya menyesal, lisannya pun beristighfar memohon ampun kepada Rabbnya. Lalu mempersiapkan ketaatan pada hari-harinya yang menjelang, sambil memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dapat mempersembahkan ibadah yang terindah kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan

seterusnya mempunyai azam untuk menjadi insan yang lebih baik, berbakti, tekun dan lebih bertakwa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442H / 2020M merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Belia-belia Masjid.

COVID-19 : 1 kes sembuh

Dari muka 1

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tidak ada kes aktif yang dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, yang menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 680 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,476 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 206 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 80,464 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	0	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (226 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
680	9,476

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
206 sampel	80,464

Tinjau perkhidmatan, projek JPD



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa mengadakan Lawatan Kerja di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) (kiri dan kanan).

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Rabu, 16 Disember. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) antara lain berfungsi sebagai sebuah agensi yang menangani hal ehwal pendaftaran dan perlesenan kenderaan; pemeriksaan kelayakan kenderaan; ujian dan perlesenan pemandu dan penguatkuasaan jalan raya dan pada hari ini, jabatan berkenaan menjadi tumpuan Lawatan Kerja Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Ibu Pejabat JPD, di sini.

Pada siri lawatan tersebut, ia bertujuan untuk memberikan penerangan kepada Ahli-ahli MMN mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan oleh JPD sebagai persediaan bagi Sesi Muzakarah Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada awal tahun 2021.

Lawatan Kerja ini dimulakan dengan pemberian taklimat mengenai isu-isu semasa antara lain mengenai kenderaan terbakar, perkhidmatan bas awam dan kenderaan elektrik.

Sepanjang tahun 2019, sejumlah 289,978 kenderaan aktif direkodkan oleh JPD yang menunjukkan peningkatan 2.7 peratus dari tahun sebelumnya manakala bagi Lesen Memandu sejumlah 243,745 yang aktif telah direkodkan sehingga Julai 2020.

Sejurus selepas sesi taklimat, Ahli-ahli MMN juga diperlihatkan mengenai beberapa projek yang aktif dijalankan oleh JPD iaitu Projek Rintis Sistem Speed Warning Device (SWD) yang menggunakan Global Positioning System (GPS); Road Accident Data Development and Enhancement System (RADED)

iaitu sistem data kemalangan jalan raya yang pada ketika ini masih dalam tempoh percubaan dan Vehicle Registration Number Tendering System (VRNTS), iaitu sistem pengurusan nombor-nombor pendaftaran kenderaan serta aplikasi mudah alih TransportBN.

Sebelum menamatkan Lawatan Kerja, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berkesempatan melawat ke beberapa kaunter-kaunter perkhidmatan di Ibu Pejabat JPD bagi melihat dengan lebih dekat lagi peringkat operasi JPD seperti Kaunter Membaharui Lesen Kenderaan, Kaunter Membaharui Lesen Memandu, Kaunter Tukar Milik Kenderaan, Kaunter Teknikal dan sebagainya.

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga turut bergambar ramai sempena lawatan tersebut.

YANG Berhormat Ahli-ahli MMN semasa mendengar penerangan pada Lawatan Kerja berkenaan.

Pada masa ini, beberapa perkhidmatan JPD boleh dipohonkan secara talian termasuk pembayaran, iaitu melalui aplikasi mudah alih TransportBN atau portal e-Darussalam.

Di samping itu, menerusi dalam talian kemudahan pembayaran lain

seperti transaksi pembayaran menggunakan kad kredit atau debit dan pembayaran melalui aplikasi mudah alih BIBD juga boleh dimanfaatkan pengguna.

Turut hadir semasa lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan dari MTIC.



Dalang utama rompakan masih dalam pencarian



SUSPEK pertama, Muhammad Noh bin Mohd. Idham dengan nama gelaran Noh, berumur 36 tahun (kiri) dan suspek kedua, Mohammad Amirul Alif bin Ali dengan nama gelaran Alif, berumur 32 tahun (kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Md. Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Disember. - Ekoran daripada kejadian rompakan bersenjata di sebuah kedai emas, kawasan premis perniagaan Kampung Tanjong Bunut, pada 12 Disember 2020 lalu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB)

menggerakkan keanggotaan di beberapa unit, di bawah Jabatan Siasatan Jenayah PPDB, diketuai oleh Unit Siasatan Khas bagi pengumpulan maklumat dan siasatan lanjut.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Penguasa Kanan Polis,

Awang Haji Mohamad Khairul Amilin bin Haji Idris selaku Pemangku Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Besar, Jabatan Siasatan Jenayah semasa Sidang Media Kes Rompakan di kawasan Premis Perniagaan Kampung Tanjong Bunut, yang diadakan di Ruang Lobi, Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Menurutnya, terkini, dua suspek lelaki dan perempuan, warganegara tempatan ditahan kerana dipercayai mempunyai keterlibatan dalam kejadian rompakan tersebut.

Walau bagaimanapun tambahnya, dalang bagi suspek-suspek utama dipercayai pelaku ke atas rompakan itu masih dalam pencarian dan usaha pengesanan masih diteruskan.

Oleh yang demikian, tegasnya, PPDB memohon kerjasama orang ramai untuk mengongsikan sebarang maklumat terhadap dua suspek yang masih dalam pencarian pihak Polis.

Suspek pertama, Muhammad Noh bin Mohd. Idham dengan nama gelaran Noh, berumur 36 tahun, merupakan warganegara



ANTARA barang kemas yang dijumpai di kawasan berhampiran rompakan kedai tersebut.

tempatan, manakala suspek kedua, iaitu Mohammad Amirul Alif bin Ali dengan nama gelaran Alif, berumur 32 tahun, juga warganegara tempatan.

"Adalah diingatkan dan ditekankan kepada orang ramai bahawa mana-mana individu yang melindungi mana-mana suspek jenayah, seperti rompakan akan didakwa di bawah Seksyen 216A, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak

melebihi tujuh tahun dan denda," jelasnya lagi.

Di samping itu, menurutnya, seperti mana peruntukan di bawah Seksyen 412, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 menjelaskan bahawa mana-mana individu secara tidak jujur menerima harta yang dicuri dalam rompakan berkumpulan, jika sabit kesalahan akan dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 15 tahun dan boleh dikenakan denda.

BPP 2021 bermula 20 Januari 2021

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



KETUA Pengarah Perancangan, Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya; dan Penolong Penguasa BPP 2021, Awang Bahrum bin Haji Kadun menyampaikan taklimat mengenai persediaan terhadap pelaksanaan BPP 2021.



TUTONG, Rabu, 16 Disember. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) akan mengendalikan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan bermula pada 20 Januari hingga 2 Ogos 2021 dengan tiga peringkat pelaksanaan.

BPP 2021 merupakan banci ke-6 yang akan dimulakan dengan peringkat pertama, iaitu penyenaian tempat kediaman atau *houselisting* mengikut kampung dan kawasan setiap daerah di seluruh negara bermula pada 20 Januari hingga 21 Februari 2021.

Seterusnya, peringkat kedua pula ialah pengendalian e-Census bermula 20 April hingga 21 Jun 2021, manakala peringkat ketiga ialah temu duga bersemuka mulai 20 Julai hingga 2 Ogos 2021.

Perkara itu dinyatakan semasa Sesi Muzakarah Bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bagi persediaan BPP 2021 yang berlangsung di kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini. Banci tersebut akan meliputi semua individu, sama ada rakyat NBD, penduduk tetap atau penduduk sementara yang tinggal di negara ini pada tahun 2021.

Data yang dikumpulkan akan membekalkan maklumat yang komprehensif mengenai penduduk mengikut ciri demografi, sosial dan ekonomi di samping maklumat mengenai jumlah stok tempat kediaman serta kemudahan atau keperluan asas perumahan.

Selain itu, Sesi Muzakarah tersebut juga bertujuan untuk membarigakan mengenai BPP 2021 dan seterusnya mengeratkan lagi kerjasama JPES dengan

Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dalam sama-sama memastikan pelaksanaan banci tersebut berjalan dengan lancar dan teratur.

Majlis diikuti dengan sesi soal jawab daripada para jemputan yang terdiri daripada Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku-pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung serta pembarigaan mengenai aktiviti operasi kerja-kerja luar banci.

Antara yang hadir pada sesi muzakarah tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai; Ketua Pengarah Perancangan, Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya; Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku-pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung di Daerah Tutong.

BPP meliputi rakyat NBD, penduduk tetap dan penduduk sementara yang tinggal di tempat tinggal biasa mereka sebagai ahli isi rumah bagi tempoh enam bulan atau lebih pada tahun banci.

Dengan adanya BPP ini, ia adalah penting untuk mengumpul maklumat komprehensif mengenai penduduk mengikut ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi dan jumlah stok tempat kediaman.

Maklumat itu nanti akan memberikan tanda aras bagi kegunaan penilaian, perancangan dan pembentukan dasar oleh pihak kerajaan dan pelbagai tujuan penganalisisan dan penyelidikan oleh pengguna-pengguna lain.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021, berhubung



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Sesi Muzakarah bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bagi persediaan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021.

terus ke JPES menerusi talian +673 2233344 semasa waktu pejabat atau e-mel ke support.brucensus@jpes.gov.bn.

Maklumat lebih lanjut mengenai BPP 2021 juga boleh didapati di Portal BPP 2021 di www.brucensus.gov.bn.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Sesi Muzakarah tersebut.

COVID-19 : Tiada kes baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 152 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 225 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 148 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 674 orang

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,446 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 223 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal

dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 80,258 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	148

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (225 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
674	9,446

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
223 sampel	80,258

Syukuri dan hargai nikmat Allah

Dari muka 7

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Awang Mohd. Saiful Bahrin bin Haji Yunos.

Selesai Tazkirah Subuh, Program Wira Fajar diselenggarakan dengan bacaan Surah Al-Kahfi yang dipimpin oleh Mahasiswa Development Management, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Fahmi bin Syukry, dan seterusnya menunaikan Sembahyang Sunat Duha.

Majlis turut disertai lebih 200 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Apoi; Pegawai-pegawai Kerajaan; Persatuan-persatuan Belia; Belia-belia Masjid; para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); serta penduduk sekitar Kampung Batu Apoi.

Program tersebut merupakan anjuran kali keempat dan ia diadakan di daerah-daerah bagi memberi peluang kepada belia di setiap daerah berkenaan untuk menyertai Wira Fajar ini.

Antara lain tujuan program ini adalah untuk mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat, terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Orang ramai, terutamanya para belia adalah dialu-alukan untuk menyertai program ini.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Pengurusan, Strategi dan Dasar), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said; serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Khatam Al-Quran sempena Hari Polis Ke-99

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PESURUHJAYA Polis, PPDB (kanan sekali) hadir selaku tetamu kehormat dan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai pada Majlis Khatam Al-Quran 99 Kali tersebut.

SERAMAI 95 peserta lelaki dan 117 peserta wanita, terdiri daripada pegawai-pegawai polis, anggota-anggota pangkat rendah, pegawai dan kakitangan awam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menyertai Majlis Khatam Al-Quran 99 Kali sempena Sambutan Hari Polis Ke-99, Tahun 2020.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Polis Ke-99, Tahun 2020 berlangsung hari ini di Surau Sementara, Dewan Persidangan Ibu Pejabat Polis, Gadong yang dikelolakan oleh Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).
Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri. Turut hadir pada majlis

tersebut ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis dan isteri, pengarah-pengarah berserta isteri, timbalan - timbalan pengarah, pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota pangkat rendah, PPDB.
Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan seterusnya bacaan

surah-surah lazim, bacaan Takhtim dan Dikir Marhaban.
Seramai 95 peserta lelaki dan 117 peserta wanita terdiri daripada pegawai-pegawai polis, anggota-anggota pangkat rendah, pegawai dan kakitangan awam PPDB menyertai Majlis Khatam Al-Quran 99 Kali sempena Hari Polis Ke-99 Tahun.
Majlis ini antara lain bertujuan

untuk meraih keberkatan dan syafaat Al-Quran dengan membanyakkan pembacaan Al-Quran.
Majlis diakhiri dengan doa selamat bagi memohon keberkatan kepada Allah agar semua anggota PPDB serta seluruh penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam kesejahteraan dan lindungan Allah.

23 premis perniagaan tidak patuhi arahan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 7 hingga 13 Disember 2020, di premis-premis perniagaan, di keempat-empat daerah.

Operasi 'Merati' dijalankan di premis-premis perniagaan, di kawasan-kawasan, di mana bagi Daerah Brunei dan Muara, di kawasan Berakas; Kiulap; Tanjung Bunut; Kota Batu; Serusop; dan Menglait, manakala bagi Daerah Belait, di Jalan Pretty, Pekan Kuala Belait.

Bagi Daerah Tutong, di Kampung Tanjong Maya; Sengkarai; dan Daerah Temburong, di Pekan Bangar; Kampung Negalang; Kampung Rataie; Padang Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Operasi 'Merati' kali ini melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan,

Kementerian Kesihatan. Sebanyak 68 premis perniagaan diperiksa. Hasil daripada operasi yang dijalankan mendapati bahawa 23 premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND3,900.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah kerana 1) Pengendali dan Penyedia makanan di premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka (*face mask*).

Manakala, kakitangan di Premis-premis Tukang Gunting Rambut juga Establismen Kecantikan dan Kesihatan didapati tidak memakai sungkup muka (*face mask*).

Selain itu, premis-premis berkenaan didapati 2) Tiada pemeriksaan suhu badan; dan 3) Tiada Kod QR BruHealth.

Kementerian Kesihatan ingin menekankan dan mengingatkan

orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis - premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya.

Pengurus perniagaan hendaklah 1) Memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka (*face mask*); 2) Melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan

penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing; 3) Mendapatkan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka dan mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh pelanggan.

Di samping itu, Pengurus perniagaan juga hendaklah 4) Menggunakan Aplikasi PremiseScan bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka; dan 5) Mengamalkan langkah-langkah

kebersihan di dalam premis perniagaan, terutama sekali bagi premis makanan diingatkan untuk mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel ke health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Kesihatan Mental Masyarakat'. Tarikh Tutup : 23 Disember 2020
3. 'Rasuah Mendatangkan Kesan Buruk'. Tarikh Tutup : 30 Disember 2020
3. 'Kesan Negatif Kejadian Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 6 Januari 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Daerah Brunei Muara	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Berakas • Kiulap • Tanjung Bunut • Kota Batu • Serusop • Menglait
Daerah Belait	<ul style="list-style-type: none"> • Jalan Pretty, Pekan Kuala Belait
Daerah Tutong	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Tanjong Maya • Sengkarai
Daerah Temburong	<ul style="list-style-type: none"> • Pekan Bangar • Kampung Negalang • Kampung Rataie • Padang Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar



JURUUKUR Agung, Awang Haji Arefin bin Haji Jaya (kanan) mewakili pihak Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, manakala Pemangku Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), **Kapten Basza Alexzandar bin Haji Basri (kiri)** mewakili MPABD pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan MPABD tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) diadakan pada hari ini dan diadakan di Bilik

Hidayat, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Menandatangani bagi mewakili pihak Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan ialah Juruukur Agung, Awang Haji Arefin bin Haji Jaya manakala menandatangani bagi wakil MPABD ialah Pemangku Ketua

Eksekutif MPABD, Kapten Basza Alexzandar bin Haji Basri.

Hadir selaku saksi pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Juruukur Agung, Dayang Hajah Roseidah binti Haji Kamis dan Penguasa Pelabuhan Kanan MPABD, Awang Helmi bin Haji Talib. Turut hadir ke majlis

MoU rapatkan lagi kerjasama

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Ukur

berkenaan ialah para pegawai kanan dari Jabatan Ukur dan MPABD.

MoU ini merupakan salah satu titik tolak bagi merapatkan hubungan kerjasama di antara Jabatan Ukur dan MPABD dan ia bertujuan untuk memudahkan pengemaskinian maklumat air pasang surut serta Carta Navigasi Brunei, Carta Navigasi Elektronik (ENC) dan juga lain-lain carta

yang berkaitan dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh International Hydrographic Organization (IHO).

Melalui MoU ini juga, kedua-dua belah pihak akan berkongsi maklumat dan sumber yang ada bagi mengemas kini Carta Navigasi Brunei dan ENC.

27 sertai Kursus Asas Jungle Rescue



AWANG Mohd. Amirul Hadi bin Haji Mohd. Tajudin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asas Jungle Rescue yang turut dihadiri oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, **Awang Lim Hock Guan.**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

TEMBURONG, Rabu, 16 Disember. - Seramai 27 orang dari Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung Daerah Temburong menjalani Kursus Asas Jungle Rescue yang dikendalikan oleh



Cawangan Operasi 'G' dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong bertempat di Dewan Utama Belalong pada 14 Disember 2020.

Kursus tersebut dijalankan selama dua hari dan dikendalikan oleh Penyelaras Kursus, Pemangku Timbalan Pemerintah Cawangan Operasi 'G', SO Jamaludin bin Ahmad dan dibantu oleh tenaga pengajar dari Unit Skwad Khas dan Fire Medic.

Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan tatacara mencari dan menyelamatkan mangsa yang hilang atau terjatuh ke dalam gaung seperti cara membuat rawatan awal bagi diri mangsa yang tercedera; cara menggunakan tali dan ikatan; dan mengenal alat perkakas-perkakas yang sesuai digunakan semasa menyelamatkan.

Kelmarin, para peserta kursus didedahkan dengan latihan praktikal mencari dan menyelamatkan mangsa yang terjatuh di gaung dengan kecuraman 60 meter bertempat di Bukit Taman Perayaan Temburong.

Diikuti dengan Majlis Penutup Kursus yang disempurnakan dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta kursus.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Awang Mohd. Amirul Hadi bin Haji Mohd. Tajudin.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan; Pemangku Penolong Pengarah Operasi, Awang Muhd. Shahreeni bin Haji Muhd. Yussof; dan Pemangku Pegawai Turus, Pemangku SSFR Awang Haji Mustafa bin Haji Mohammad.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

PARA peserta kursus didedahkan dengan latihan praktikal mencari dan menyelamatkan mangsa yang terjatuh di gaung dengan kecuraman 60 meter bertempat di bukit Taman Perayaan Temburong.

2 syarikat dikenakan kompaun



UNIT Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong mengingatkan orang ramai, syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan supaya sentiasa menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah atau barang terpakai di merata tempat (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Rabu, 16 Disember. - Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong mengenakan denda kompaun kepada New Al-Malabar Restaurant dan Rahmat Sdn. Bhd. Minimart pada 15 Disember lalu.

Setiap syarikat tersebut telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND200 di bawah Bab 12(1)(a) atas Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh satu minggu.

Sehubungan itu, Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong mengingatkan orang ramai, syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan supaya sentiasa menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah-sampah atau barang-barang terpakai di merata tempat.

Unit berkenaan akan sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan akta Kesalahan Kecil Penggal 30 sentiasa dipatuhi dan seterusnya bagi memastikan persekitaran Daerah Tutong sentiasa dalam keadaan bersih.



DARI MAHKAMAH

Hukuman reman dilanjutkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Mahkamah Tinggi, hari ini melanjutkan lagi hukuman reman selama dua minggu bagi membantu siasatan membabitkan kes pengedaran dadah dan perubahan wang haram ke atas enam warganegara tempatan, yang terlibat dalam hasil aktiviti penyalahgunaan dadah semasa Operasi Musang King.

Enam defendan, terdiri daripada Jakaria bin Ahad, Siti Izzul Munirah binti Ahmad, Mohammad Isamuddin bin Ahmad, Nurul Nazirah binti Awang Marzuki, Ahmad bin Haji Tamit dan Maskunah binti Wahab.

Keenam-enam mereka didakwa di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram yang membawa kepada hukuman gantung hingga mati.

Ketua Majistret, Yang Arif Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar menetapkan 31 Disember 2020, pada jam 2.00 petang perbicaraan kes melalui Video Call (secara maya) sementara menunggu *exhibit* dari ke Jabatan Perkhidmatan Sainifik untuk dianalisa.

Pendakwaan tertuduh dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff dan Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman, sementara Roy Prabhakaran dan DC Haji Daud Ismail mewakili bagi pihak defendan.

Direman bantu siasatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Dua orang lelaki warga tempatan direman dua minggu bermula hari ini oleh Mahkamah Perantaraan.

Tertuduh Mohammad Huzni bin Haji Abdul Hamid dan Mohammad Noriqmal Shaheiran bin Razali direman bagi membantu siasatan kes pengedar dadah di bawah Seksyen 3A.

Ketua Majistret, Yang Arif Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar menetapkan 31 Disember 2020 pada jam 2.00 petang melalui Video Call (secara maya) sementara menunggu *exhibit* dari Jabatan Perkhidmatan Sainifik untuk siasatan lanjut.

Pendakwaan tertuduh dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman sementara tertuduh tidak mewakili peguam.

Dipenjara kerana gagal membayar denda

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Seorang lelaki warganegara Indonesia hari ini dijatuhkan hukuman 35 bulan penjara oleh Mahkamah Majistret kerana gagal membayar denda BND460,000.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu menjatuhkan

hukuman tersebut ke atas Ahmad Muniri (defendan) di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Defendan, 43 tahun, didakwa kerana memiliki sebanyak 602 karton dan 10 paket rokok pelbagai jenama yang dijumpai dalam serbuan yang dijalankan oleh Penguatkuasa

Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Bandar Seri Begawan di sebuah rumah di Kampung Pulaie pada 8 Disember 2020.

Kesemua barang-barang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan sepertimana yang dinyatakan dalam pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JKED, Awang Haji Mohd. Junaidi bin Haji Ahmad.

Lelaki tempatan dipenjara kerana dadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman enam bulan penjara ke atas seorang lelaki tempatan kerana gagal membayar denda sebanyak BND3,000.

Defendan, Rahmat Mustaqim bin Haji Hidop dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara kerana gagal membayar denda sebanyak BND1,500 bagi dua pertuduhan, iaitu memakan dadah terkawal yang dijatuhkan oleh Majistret Mohammad Marzuqi

bin Sabtu.

Defendan didakwa di bawah Seksyen 6 (b) kerana memakan dadah terkawal jenis 'A' Methylamphetamine, di mana hasil ujian air kencing defendan didapati positif mengandungi dadah.

Defendan ditahan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di Pos Kuala Lurah pada 6 April 2017 dan kemudian diserahkan kepada pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Namun pada 29 Mac 2018, defendan sekali lagi melakukan kesalahan yang sama ketika ditahan oleh anggota Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan Balai Polis Muara dan seterusnya menyerahkan defendan kepada pegawai-pegawai BKN.

Pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Md Syazwan bin Hairul juga menyatakan bahawa defendan tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Rompakan bersenjata : Ditahan reman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan direman dua minggu bagi membantu siasatan satu kejadian rompakan bersenjata yang berlaku di sebuah kedai emas di kawasan komersial Tanjung Bunut.

Pemangku Majistret Kanan Mohammad Marzuqi bin Sabtu memerintahkan Rosizan bin Jumat, 38 tahun direman

bermula hari ini dan akan diperdengarkan lagi pada 31 Disember 2020 pada jam 2.30 petang.

Terdahulu, tular beberapa video di laman media sosial memaparkan video dan gambar-gambar rompakan dipercayai dilakukan pada malam Sabtu, 12 Disember 2020 lalu pada jam 7.00 malam.

Pihak polis sedang giat

mengesan lagi rakan subahat suspek dan kes disiasat di bawah Seksyen 395/398 Kanun Jenayah Akta 22 kerana merompak dan boleh dikenakan penjara sehingga 30 tahun dan tidak kurang tujuh tahun serta 12 kali sebatan.

Pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali.

Kes curi diperdengarkan lagi 31 Disember

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Seorang perempuan warga tempatan direman selama dua minggu oleh Mahkamah Perantaraan di sini.

Pemangku Majistret Kanan, Mohammad Marzuqi bin Sabtu memerintahkan Norziana binti Nordin, berusia 37 tahun direman bermula hari ini dan akan diperdengarkan lagi pada 31 Disember 2020 pada jam

2.30 petang.

Mengikut pertuduhan, pada 12 Disember 2020 pada jam 9.00 hingga 10.00 malam bertempat di Kampung Bukit Sibut, Tutong secara tidak jujur menerima atau menyimpan harta curi, iaitu dua utas rantai emas di mana tertuduh mengetahui atau mempunyai sebab untuk dipercayai yang hak milik yang sama telah dipindahkan oleh perbuatan rompakan

berkumpulan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh boleh didakwa kerana melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 412 Kanun Keseksaan Akta 22 yang boleh dipenjara sehingga tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali.




 فُجَابَت سُوْرُوْهُنْجَايَا فُرْخَدْمَتَنْ عَوَام
 PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
 How can we help you today? Here's how to get in touch with us.



 +673 7371961

 query@spa.gov.bn



KUPU SB rasmikan Mu'tamar Bahasa Arab

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Majlis Perasmian Mu'tamar Bahasa Arab Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 1442 / 2020 anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam diadakan bertempat di Dewan Ta'lim, KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis perasmian tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Mu'tamar yang diadakan akan dijadikan sebagai wadah bagi mengeratkan kerjasama pelbagai pihak di NBD dalam mengembangkan peluang dan mutu pengajaran bahasa Arab dalam mengukuhkan jati diri Negara Zikir.

Ke arah itu, Mu'tamar ini diharapkan mencapai tujuan berikut iaitu perkongsian maklumat pengajaran bahasa Arab antara institusi di NBD; mengenal pasti ruang kerjasama dalam pengajaran bahasa Arab di NBD dan merancang pelbagai kerjasama antara institusi.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Asmaul Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha selaku Pengerusi Bersama menyampaikan penghargaan kepada semua jemputan dan peserta yang hadir bagi sama-sama membincangkan mengenai kemajuan bahasa Arab di NBD.

Dr. Haji Abang Hadzmin turut



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (depan, lima dari kanan) pada sesi bergambar ramai pada Majlis Perasmian Mu'tamar Bahasa Arab Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 1442 / 2020 anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam diadakan bertempat di Dewan Ta'lim, KUPU SB.

menjelaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan tidak berjadual baginda ke KUPU SB pada 22 Januari 2020 lalu menitahkan agar pihak yang berkaitan menumpukan masa untuk membina NBD dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat antaranya ilmu bahasa Arab, mempertahankan program pendidikan dan memperkasa bahasa Arab.

Pada 16 September 2020, sekali lagi Kebawah Duli Yang Maha

Mulia memberikan perhatian yang sama dengan menitahkan pemeriksaan menyeluruh termasuk guru, cara mengajar dan latihan bagi mendapatkan hasil pembelajaran bahasa Arab yang bagus. Titah ini mestilah disyukuri, dijunjung dan ditani bersama.

Sehubungan itu, salah satu usaha yang diungkayahkan adalah melalui Mu'tamar Brunei tersebut. Majlis diteruskan dengan tayangan video perutusan dari Mesir, Oman, Thailand dan Indonesia yang menyampaikan tahniah atas pelaksanaan Mu'tamar tersebut dan seterusnya menjelaskan

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

kepentingan bahasa Arab tersebut untuk terus dikembangkan dan dihidupkan.

Juga ditayangkan beberapa video pendek pertandingan bahasa Arab yang dicipta oleh mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang tayangan video bahasa Arab KUPU SB dan sijil penghargaan kepada peserta Nadwah Mubaarak disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Pemangku Penolong Ra'ies KUPU SB, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh; pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan KHEU, pegawai-pegawai utama, pensyarah dan mahasiswa serta mahasiswi KUPU SB.

Selesai daripada majlis perasmian, juga diadakan sesi perkongsian, perbincangan dan perancangan bertempat di Dewan

Tarbiyah, KUPU SB di mana ia memfokuskan kepada perkongsian maklumat perkembangan pengajaran bahasa Arab antara institusi di NBD sepanjang tahun 2020, usaha-usaha dalam meneruskan dan meningkatkan kerjasama dalam pengajaran bahasa Arab, meningkatkan minat terhadap bahasa Arab dan memantau serta menilai Ru'yah Mubaarak (wawasan bahasa Arab Brunei), merancang pelbagai kerjasama antara institusi dan sesi perkongsian dapatan kajian dan program pengajaran bahasa Arab di NBD.

Beberapa institusi, jabatan dan bahagian yang menyertai Mu'tamar berkenaan termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Peperiksaan, Bahagian Kenaziran dan Bahagian Kurikulum KHEU.

COVID-19 : 359 sampel ujian dilaksanakan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 152 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 224 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 148 orang.

Kementerian Kesihatan turut

memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 691 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,376 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020. Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 359 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa

jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 80,035 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	148

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (224 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
691	9,376

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
359 sampel	80,035



PEMANGKU Setiausaha Tetap, KHEU menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta Nadwah Mubaarak.

Terapkan sikap berdikari, berdisiplin



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada para peserta Kem Curahan Ilmu 2020 (atas, kanan), sementara gambar atas, antara ibu bapa dan penaja peserta yang hadir pada majlis berkenaan.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Lebih 40 peserta Kem Curahan Ilmu 2020 menerima sijil masing-masing pada majlis yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan),

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said.

Pada majlis tersebut, para peserta mengadakan persembahan tarian yang turut disaksikan oleh para ibu bapa peserta.

Kem Curahan Ilmu 2020 yang dijalankan selama tiga hari bermula 14 Disember lalu itu merupakan anjuran TeachmeGuru

di bawah Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), KKBS yang antara lain bertujuan untuk melatih para peserta untuk mengamalkan sikap berdikari dan berdisiplin.

Para peserta terdiri daripada para pelajar yang telah menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kem berkenaan ialah riadah berjalan kaki, sembahyang berjemaah, berenang, menumpang ambuyat dan *team building*.



Alert List AMBD dikemas kini

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemaskinikan.

Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan November 2020 adalah seperti berikut, iaitu Alex Loan (Facebook Profile), Dana Haji Jasman, Easybook (B) Sdn. Bhd. / Easybook Coin (EBO), Fincorp@Financial Corporation Ltd, High Liquidity Zone FX, Loan Settlement Brunei, Mohamed Ansari Mohamed Musthafa, Rezky Eshoppe (Facebook Profile) dan Team Dinamika / Eco Racing Technology Sdn. Bhd.

Alert List AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui Laman Sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn. Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.

AMBD ingin menasihati orang ramai supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti atau individu yang menjalankan aktiviti-aktiviti kewangan yang tidak berlesen atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan di bawah bidang kuasa AMBD termasuk penukaran wang, pengiraman wang dan pinjaman wang. Jika berurusan dengan entiti atau syarikat atau individu yang tidak dikawal selia oleh AMBD, orang ramai tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD.

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian +673 2380007 atau e-mel melalui fci@ambd.gov.bn.



SBK erat hubungan kekeluargaan



SALAH seorang ketua keluarga menerima buah tangan disampaikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Awang Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim pada acara Santai Bersama Keluarga yang berlangsung di Kompleks Annajat, Beribi (atas dan bawah kanan).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Acara Santai Bersama Keluarga (SBK) anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) diteruskan hari ini dengan membawa klien-klien dari Daerah Tutong dan Belait untuk bergembira bersama keluarga di Kompleks Annajat, Beribi.

Projek tersebut merupakan

aktiviti riadah kerjasama MKM dan Wafa Hotel dengan melibatkan penyertaan klien-klien MKM dari keempat-empat buah daerah.

MKM merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan sejak bulan Disember 2009 dengan objektif untuk membantu menangani isu-isu sosial di negara ini, iaitu ke

arah meningkatkan kebajikan bagi golongan yang kurang berkemampuan.

Atur cara SBK dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Di-Pertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim yang antara lain menzahirkan setinggi penghormatan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Wafa Hotel, Kompleks Annajat atas kemurahan hati menaja kemudahan - kemudahan yang terdapat di hotel berkenaan seperti kolam renang, dewan dan taman air untuk digunakan oleh para peserta.

"Selain itu, Syarikat Freme Travel juga menaja pengangkutan percuma mengambil dan menghantar para peserta dari Daerah Tutong dan Belait hari ini dengan menggunakan tiga buah bas," tambahnya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian buah tangan oleh Yang Dipertua MKM kepada 16 ketua keluarga dari Daerah Tutong dan Belait hasil sumbangan ikhlas daripada para dermawan.

SBK diadakan antaranya untuk mengeratkan institusi keluarga serta memeduli golongan yang kurang bernasib baik agar mereka dapat merasakan kegembiraan dengan aktiviti-aktiviti menarik yang telah disusun oleh pihak penganjur.

Pelaksanaan acara SBK pada hari ini turut dibantu oleh warga kerja dari Firma Guaman Yusof Halim Partners (YHP).

Peserta negara raih tempat ketiga Kuiz ASEAN

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhamamad Asri Haji Awang Abas



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam (depan, tiga dari kiri) bersama Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab (depan, empat dari kiri) hadir menyaksikan Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-9 Tahun 2020, yang berlangsung secara dalam talian, di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kumpulan peserta dari Republik Indonesia muncul johan pada Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-9 Tahun 2020, yang berlangsung secara dalam talian, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Sementara naib johan adalah kumpulan dari Republik Singapura dan tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan dari Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan diselenggarakan oleh

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan dianjurkan oleh Republik Singapura.

Hadir menyaksikan pertandingan, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam.

Tiga penuntut yang mewakili

negara pada pertandingan kali ini merupakan penuntut terbaik dalam Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Nasional Kali Ke-9 Tahun 2020, yang berlangsung pada November lalu.

Para penuntut, terdiri daripada Pelajar Tahun 9, dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Phoebe Lim Tong Xin; Pelajar Tahun 10, dari Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Awang Mohamad Azeem Fahmi bin Haji Mohamad Asmayuddin; dan Pelajar Tahun 10, dari Sekolah Menengah Chung Ching, Chong Rui Ern.

Pertandingan secara dalam talian ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Assistant Chief Executive, International Group, Infocomm Media Development Authority of Singapore (IMDA), Foo Chi Hsia.

Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-9 Tahun 2020 membawa bersama para penuntut dari 10 Negara Anggota ASEAN untuk bertanding dalam pertandingan berasaskan pengetahuan, sementara pada masa yang sama, membentuk identiti ASEAN yang lebih kuat.

Pertandingan Kuiz ASEAN bertujuan untuk memupuk semangat persaingan yang sihat dalam kalangan belia-belia ASEAN peringkat sekolah

menengah dalam pertandingan kuiz yang mesra bagi mendedahkan mereka kepada pelbagai maklumat mengenai budaya, politik, ekonomi dan sosial ASEAN; juga untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia dan masyarakat awam mengenai ASEAN juga negara-negara anggotanya.

Pertandingan Kuiz ASEAN diadakan dua tahun sekali dan merupakan salah satu projek Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) yang dilancarkan pada tahun 2002 dan Negara-negara Anggota ASEAN akan menganjurkan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau tersebut secara bergilir.

Kuiz ASEAN Peringkat Serantau pertama kalinya diadakan di Thailand, pada tahun 2002, diikuti Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2004; Malaysia, pada tahun 2006; Republik Filipina, pada tahun 2009; Kemboja, pada tahun 2012; Republik Sosialis Viet Nam, pada tahun 2014; Republik Demokratik Rakyat Lao, pada tahun 2016; dan Republik Indonesia, pada tahun

2018.

Manakala Republik Singapura adalah tuan rumah bagi penganjuran Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-9, pada kali ini dan Myanmar akan menganjurkan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-10, pada tahun 2022.

Majlis juga diteruskan dengan Penyampaian Hadiah bagi para Pemenang Kuiz ASEAN Peringkat Nasional Kali Ke-9 Tahun 2020 yang diadakan pada 30 November 2020, disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam.

Dayang Phoebe Lim Tong Xin dari Chung Hwa Middle School dinobatkan sebagai juara; dan Awang Mohamad Azeem Fahmi bin Haji Mohamad Asmayuddin dari Sekolah Sayyidina Hasan meraih naib juara, manakala Awang Chong Rui Ern dari Chung Ching Middle School mendapat tempat ketiga.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab.



PELAJAR Tahun 9, dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Phoebe Lim Tong Xin; Pelajar Tahun 10, dari Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Awang Mohamad Azeem Fahmi bin Haji Mohamad Asmayuddin; dan Pelajar Tahun 10, dari Sekolah Menengah Chung Ching, Chong Rui Ern mewakili negara pada Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-9 Tahun 2020 tersebut.



ANTARA yang hadir pada Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-9 Tahun 2020, yang berlangsung secara dalam talian berkenaan.

Bank Baiduri hargai perkhidmatan pekerja

Siaran Akhbar dan Foto :
Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Bank Baiduri, baru-baru ini mengadakan Majlis Anugerah Kerja Lama (Long Service Award Ceremony) untuk 136 orang kakitangannya.

Dua majlis berlangsung secara berasingan di mana acara sebelah petang bagi kakitangan yang mencapai perkhidmatan 5 dan 10 tahun manakala acara sebelah malam bagi penerima yang berkhidmat selama 15 tahun ke atas termasuk pesara dari tahun 2019.

Acara masing-masing diadakan di Atrium dan Ruang Komuniti Baiduri, Ibu Pejabat Bank Baiduri.

Seramai 90 penerima pada majlis petang tersebut menerima sijil dan tanda penghargaan, manakala 46 penerima pada majlis malam pula menerima sijil, plak dan tanda

penghargaan.

Turut hadir pada kedua-dua majlis tersebut menyampaikan sijil dan tanda penghargaan kepada para penerima ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui.

Semasa berucap pada majlis itu, Ti Eng Hui menyampaikan penghargaan kepada para penerima yang telah lama berkhidmat, di samping komitmen dan dedikasi mereka.

"Saya amat berbangga dengan kemajuan yang telah kita capai sebagai satu pasukan, walaupun di tengah-tengah wabak yang membawa cabaran-cabaran yang belum pernah kita lalui sebelumnya. Dalam masa yang sama, berjaya menghadapi keadaan yang tidak menentu seperti ini dengan keberanian, kekuatan dan tujuan yang sama. Selaras dengan komitmen kami untuk mencipta bersama masa

Recognition Awards



KETUA Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Kerja Lama (Long Service Award Ceremony) yang diraikan.

depan dengan pihak-pihak berkepentingan, kita mesti terus menegakkan nilai-nilai teras

iaitu Amanah, Inklusif, Empati dan berdaya usaha (Enterprising). Ini adalah 'Baiduri Way' dan

ini adalah prinsip panduan penyatuan bagi kita semua," tambahnya.



Apa Pendapat Biskita?

Disiplinkan anak-anak menjadi aset negara yang berguna

MENUJU tahun 2021, masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja sangat membimbangkan dan seperti tiada penghujungnya. Jika kita lihat senario pada hari ini, ramai dalam kalangan remaja kita terlibat dengan gejala sosial seperti dadah, mencuri, terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan sebagainya. Namun demikian apakah puncanya? Hal ini disebabkan oleh kegagalan institusi kekeluargaan. Institusi kekeluargaan yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak sepatutnya bekerjasama dalam mempertahankan kebahagiaan institusi kekeluargaan masing-masing. Ibu bapa seharusnya melindungi dan mendidik anak supaya mereka tidak tersalah arah dan terlibat dengan gejala sosial.

Melalui Apa Pendapat Biskita kali ini, Mohd. Azizul KS turut memberi pandangan di mana kegagalan institusi kekeluargaan berpunca daripada kekurangan ilmu tentang hidup berkeluarga dan pelbagai ilmu dalam perkahwinan. Masyarakat kini ramai yang berkahwin dalam usia muda kerana terlalu mengikutkan perasaan dan hawa nafsu. Mereka sepatutnya mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu supaya setiap perkara yang terjadi dalam rumah tangga mereka dapat diselesaikan secara baik dan berdiplomasi. Jika mereka tiada ilmu atau kurang ilmu, setiap perselisihan faham yang berlaku akan menyebabkan institusi kekeluargaan runtuh dan akibatnya berlakulah penceraian. Hal ini menyebabkan anak-anak mereka yang akan terkena tempas atas kekhilafan diri mereka sendiri, anak-anak yang terketan dengan masalah penceraian tersebut akan mencari kebahagiaan yang mereka inginkan dengan cara tersendiri seperti melarikan diri mengikut teman lelaki atau sesiapa sahaja yang boleh memberikan kebahagiaan kepada mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu sedar bahawa kekurangan ilmu dalam institusi kekeluargaan boleh menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak. - **Mohd. Azizul KS, Burung Pingai Villa.**

"Terdapat banyak sebab boleh berlakunya keruntuhan akhlak remaja. Antaranya ialah pengaruh rakan sebaya. Ketika usia remaja, seseorang itu lebih rapat dengan rakan sebaya berbanding keluarga. Oleh itu, rakan sebaya sangat mudah mempengaruhi seseorang remaja itu sama ada ke jalan yang benar atau ke jalan yang songsang. Para remaja ini akan saling cabar-mencabar dengan rakan sebaya untuk melakukan sesuatu, walaupun mereka tahu perkara itu salah kerana disebabkan 'darah muda', remaja yang pantang dicabar akan melakukan perkara itu untuk membuktikan kehebatan mereka, walaupun mereka tahu perkara itu berbahaya dan sia-sia". - **Burhan Mohammad, BSB.**

"Lumrah ibu bapa ialah mendidik dan mengasuh anak-anak supaya menjadi orang yang berguna, tetapi, kesibukan mereka menghalang mereka untuk menjalankan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Oleh itu, anak-anak akan terumbang ambing dalam dunia mereka dan seterusnya akan sesat dan memilih jalan yang songsang. Kesibukan ibu bapa juga menghalang mereka untuk mengambil tahu aktiviti anak-anak dan seterusnya membiarkan anak-anak bebas melakukan apa sahaja tanpa pengetahuan termasuklah melakukan aktiviti yang salah. Ibu bapa ini hanya akan tersedar ketika anak mereka sudah teruk". - **Cahaya Kasih KA, Gadong.**

"Keruntuhan institusi kekeluargaan biasanya berpunca daripada kurangnya didikan dan penghayatan agama. Hal ini demikian kerana, agama merupakan tonggak dalam sesebuah keluarga yang bahagia. Institusi kekeluargaan yang berpegang kepada ajaran agama tidak akan goyah walaupun ditimpa beribu musibah. Namun, bagi institusi kekeluargaan yang tidak berpegang kepada ajaran agama mudah goyah dan runtuh apabila badai melanda. Anak-anak yang kurang penghayatan agama mudah terpengaruh untuk melakukan perkara-perkara negatif seperti merempit dan sebagainya. Anak-anak ini perlu dididik menghayati agama sejak kecil lagi. Jika sudah menginjak ke usia remaja, mereka sukar menerima nasihat dan melakukan perubahan. Mereka lebih rela membuat keputusan tanpa memikirkan kesan dan tidak berpaksikan pada ajaran agama. Akibat daripada itu, mereka mungkin akan terjebak dalam perkara yang tidak sihat seperti merokok dan sebagainya. Oleh itu, kekurangan didikan agama boleh mengakibatkan keruntuhan institusi kekeluargaan. Selain itu, keruntuhan sosioekonomi yang sempit juga mampu membawa kepada punca keruntuhan. Bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap atau pekerja kolar biru, mereka sukar untuk menyediakan segala kemudahan untuk keluarga mereka. Hal ini juga boleh menyebabkan anak-anak mencari jalan pintas untuk mendapatkan segala keinginan mereka dengan mencuri, meragut dan sebagainya. Oleh itu, ibu bapa perlu menabung untuk kegunaan pada masa kecemasan atau untuk menyediakan kemudahan kepada anak-anak". - **Pg. Kamaluddin Pg. Haji Bakar, Muara.**

"Pada zaman yang serba moden ini, media massa merupakan satu keperluan dalam kehidupan seharian. Media massa ini banyak memberikan kebaikan, tetapi juga boleh mempengaruhi seseorang terutamanya golongan remaja ke arah perkara negatif secara diam. Contohnya seperti cerita-cerita yang berunsurkan keganasan malah seks banyak ditayangkan oleh media massa. Cerita-cerita sebegini dapat mempengaruhi dan merangsang remaja untuk meniru aksi-aksi negatif itu, dan hasilnya, keruntuhan akhlak remaja semakin menjadi-jadi". - **Si Kasut Biru, Jerudong.**

"Salah satu punca utama keruntuhan akhlak remaja ialah meninggalkan perintah Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu solat fardu lima waktu. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk mendidik anak-anak dengan agama sejak kecil lagi. Kelalaian dan kesibukan ibu bapa adalah faktor yang menyebabkan anak-anak berperilaku bebas dan sewenang-wenangnya dalam membuat aktiviti sosial mereka seperti pergaulan bebas dan menyalah guna internet atau media masa, di mana terdapat trend-trend songsang dan negatif yang berleluasa pada masa kini yang dapat mempengaruhi fikiran mereka, mencabar diri mereka untuk melakukan sesuatu yang baru dan seterusnya memberi impak negatif pada diri sendiri, keluarga dan orang lain". - **Md. Wafi.**

Secara tuntasnya, pada pendapat saya selaku penulis APB, untuk mengelakkan berlakunya kegagalan institusi keluarga yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak remaja, ibu bapa seharusnya melengkapkan dan koreksi diri kerana segala kelemahan dalam mendidik dan mendisiplinkan anak-anak terutamanya remaja akan menyebabkan mereka menyimpang terlalu jauh dan terjebak dengan masalah sosial yang lebih berat. Pihak ibu bapa perlu sedar dan tahu bahawa kegagalan mereka dalam menguruskan institusi keluarga akan memberikan kesan dalam diri anak-anak mereka. Anak-anak remaja merupakan aset negara dan mereka perlu didisiplinkan supaya menjadi orang yang berguna. Mereka ialah insan yang akan membawa negara kita ke persada antarabangsa yang terkenal dengan kebudayaan dan budi pekerti yang tinggi dan bukannya negara yang tidak berbudi pekerti. Maruah negara kita pada masa hadapan berada di tangan anak-anak remaja ini. Jadi, mereka perlu bangkit daripada dunia angan-angan untuk menempuh dunia realiti.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Dunia Maya VS Dunia Nyata.
ii. Belia Jangan Terlalu Memilih Pekerjaan.

Taklimat pupuk keselamatan kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Seramai 30 orang penduduk Kampung Lambak Kanan Kawasan 2 mengikuti Taklimat Life Saver 995 yang dikendalikan oleh Unit Perhubungan Awam Ibu Pejabat dan Unit Penguatkuasaan Undang-Undang dan Penyiasatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) baru-baru ini dan diadakan di Simpang 262, Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan.

Taklimat tersebut yang diselenggarakan bersama dengan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2, RPN Lambak Kanan antara lain memberikan pengetahuan dengan tindakan awal yang perlu dibuat sebelum dan selepas terjadi kebakaran sama ada melibatkan kebakaran besar atau kecil.

Selain itu, taklimat tersebut juga berperanan penting dalam memberikan kesedaran dan kewaspadaan akan kepentingan pengetahuan bagi mencegah serta tataraca memadamkan kebakaran kecil yang sering terjadi khususnya yang melibatkan kebakaran di dapur.

Seterusnya, ia juga berobjektif untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara penduduk kampung bersama dengan JBP agar sentiasa menjaga keselamatan, kesefahaman, keamanan serta keharmonian hidup dalam bermasyarakat.

Di kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tataraca yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.



TAKLIMAT berobjektif untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara penduduk kampung bersama JBP agar sentiasa menjaga keselamatan, kesefahaman, keamanan serta keharmonian hidup dalam bermasyarakat (atas), sementara gambar bawah, taklimat tersebut juga berperanan penting dalam memberikan kesedaran dan kewaspadaan akan kepentingan pengetahuan bagi mencegah juga tataraca memadamkan kebakaran kecil.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

Dalam masa yang sama, JBP juga mengingatkan kepada orang ramai, jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.



13 kakitangan ikuti kursus



PARA kakitangan dari Baiduri Bank bergambar ramai pada Kursus Fire Marshal tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Seramai 13 orang kakitangan dari Baiduri Bank mengikuti Kursus Fire Marshal yang diadakan selama tiga hari bermula pada 14 hingga 16 Disember yang lalu bertempat di Baiduri Bank, Kumbang Pasang dan dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Dalam kursus tersebut, para peserta didedahkan dengan pelbagai ilmu khususnya dalam mengetahui akan kepentingan keselamatan kebakaran secara teori dan juga praktikal.

Antaranya mengetahui sebab dan punca berlakunya kebakaran,

mengetahui akan tindakan yang perlu apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja seperti membuat latihan pengosongan bangunan secara sistematis dan mengetahui tataraca penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul.

Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan tataraca bagi menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran dan akhir sekali, peserta juga berpeluang mengadakan lawatan ke Unit Operasi Wanita bagi mengetahui fungsi dan peranan sebagai ahli anggota bomba wanita serta mengenali perkakas-perkakas dan peralatan bomba.

Dalam kesempatan ini, pihak JBP memaklumkan kepada orang ramai bahawa jabatan berkenaan ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tataraca yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Dalam masa yang sama, JBP juga mengingatkan kepada orang ramai, jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

Buka *mindset* lebih kreatif, inovatif

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga melalui Perkhidmatan Pelancongan Seri Tanjung MPK Sungai Bunga kerap menerima kunjungan daripada pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, Rombongan Muslimah Masjid Zainab, Lumut dan Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait turut mengadakan lawatan dengan konsep 'berdudun' ke Makam Sultan Brunei Ke-9, iaitu Al-Marhum Sultan Muhammad Hassan dan Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, di sini. Rombongan yang diketuai oleh

Dayang Shamsiah binti Haji Abdul Wahab berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh.

Lawatan dimulakan dengan menelusuri Sungai Brunei menaiki bot, seterusnya lawatan ke Makam Al-Marhum Sultan Muhammad Hassan.

Sejurus tiba di Makam Al-Marhum Sultan Muhammad Hassan, para peserta diberikan penerangan mengenai makam berkenaan oleh Setiausaha MPK Sungai Bunga, Awang Mohd. Husaini bin Ali Hassan.

Rombongan seterusnya bergerak ke Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, di mana mereka

berpeluang untuk menyaksikan pemrosesan dan pembuatan keropok udang, nuget ayam, lekor juga kuih sapit.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi juga mengenali lebih dekat dalam kalangan Ahli-ahli Biro Wanita dan MPK Sungai Bunga, selain untuk memberikan pendedahan kepada Ahli-ahli Muslimah Masjid untuk membuka *mindset* agar lebih kreatif dan inovatif.

PEMANGKU Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh mengalu-alukan Rombongan Muslimah Masjid Zainab, Lumut dan Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas), sementara gambar bawah, rombongan bergambar kenangan semasa mengadakan lawatan ke Makam Sultan Brunei Ke-9, iaitu Al-Marhum Sultan Muhammad Hassan.



ROMBONGAN Muslimah Masjid Zainab, Lumut dan Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait mendengar penerangan mengenai Makam Sultan Brunei Ke-9, iaitu Al-Marhum Sultan Muhammad Hassan daripada Setiausaha MPK Sungai Bunga, Awang Mohd. Husaini bin Ali Hassan.



Nikmati kehidupan dengan baik, sejahtera



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

KESIHATAN merupakan nikmat dan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang merangkumi kesihatan fizikal dan spiritual. Kesihatan badan dan mental adalah asas penting bagi pembangunan dan kesejahteraan diri dan ummah untuk mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang.

Walaupun dunia masa kini berdepan dengan situasi penularan pandemik COVID-19, kita sebagai rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) amat bertuah kerana pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah penting bagi membendung wabak tersebut daripada merebak dengan kerja keras daripada semua pihak.

Di samping itu, setiap lapisan masyarakat di negara ini juga turut menikmati perkhidmatan kesihatan yang dapat diakses oleh semua dengan percuma. Oleh itu, setiap insan di negara ini hendaklah tidak mensia-siakan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Perkara ini menunjukkan betapa pihak kerajaan begitu mengambil berat tentang kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini agar dapat menikmati kehidupan dengan baik dan sejahtera.

Kebawah DYMM juga menekankan agar kita tidaklah wajar untuk lupa bersyukur di atas limpah kurnia Allah menyelamatkan kita dan negara dari wabak yang sedang menular itu, dan ini bersesuaian dengan tema Majlis Ilmu pada tahun ini, iaitu 'Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah'.

2020 berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin baru-baru ini menekankan bahawa kesihatan tidak syak lagi adalah perkara penting, kerana kesihatan merupakan anugerah Allah yang amat berharga.

Titah baginda, sejajar dengan tuntutan ugama, maka inilah masanya untuk semua pihak komited dengan perkara kesihatan kerana itu juga dianggap satu cara untuk mengelakkan jangkitan wabak.

Kebawah DYMM juga menekankan agar kita tidaklah wajar untuk lupa bersyukur di atas limpah kurnia Allah menyelamatkan kita dan negara dari wabak yang sedang menular itu, dan ini bersesuaian dengan tema Majlis Ilmu pada tahun ini, iaitu 'Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah'.

Baginda bertitah bahawa tema tersebut cukup relevan untuk dibincangkan oleh para ilmuan yang terdiri daripada para ulama, pakar perubatan dan kesihatan, serta juga ahli akademik.

Di samping itu, baginda bertitah sesuai

dengan suasana Majlis Ilmu, tidak syak lagi, perkara wabak koronavirus mustahak untuk dibuat kajian dan huraian, termasuk mencari jawapan mengapa wabak ini alhamdulillah, dapat dikawal dengan berkesan di negara kita, adakah pada pendapat para ilmuan, bahawa di antara sebabnya ialah, kerana kita terus mematuhi piawaian standard antarabangsa, di samping secara konsisten menggunakan 'vaksin ketuhanan' berupa ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa?

Titah baginda, perkara tersebut penting, kiranya dengan kajian dan huraian itu akan dapat menyingkap sedikit hikmah di sebalik kejadian, kerana sesungguhnya hikmah itu mampu untuk memberi impak kepada jiwa sebagai pengajaran.

Oleh yang demikian, setiap kejadian yang berlaku tersebut memiliki pelbagai hikmah yang akan menjadi pengajaran kepada umat manusia. Setiap hikmah yang dapat diungkapkan nescaya akan memberikan keinsafan kepada diri agar sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa, selamat dan bahagia di dunia juga di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Hud, ayat 9-11 :

Tafsirnya : "Dan demi sesungguhnya jika Kami merasakan (mengurniakan) manusia suatu rahmat daripada Kami, kemudian rahmat itu Kami cabut daripadanya tentulah dia berputus asa lagi sangat kufur (tidak bersyukur). Dan demi sesungguhnya jika Kami merasakan (mengurniakan) kepadanya nikmat sesudah ditimpa kemudaratan, tentulah dia berkata : "Telah hilang segala bencana yang menimpa aku". Sesungguhnya dia (merasa) sangat gembira lagi membangga-banggakan diri. Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amalan-amalan soleh. Mereka itulah yang akan mendapat keampunan dan pahala yang besar".

Allah Subhanahu Wata'ala bersifat Maha Pemurah lagi Maha Penyayang dan telah menganugerahkan pelbagai

Mensyukuri nikmat kesihatan sebagai anugerah Allah Subhanahu Wata'ala

nikmat kepada hamba-hambanya. Antara nikmat berharga yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah nikmat kesihatan.

Perlu diketahui, bahawa agama kita meletakkan nikmat kesihatan itu di tempatnya yang tinggi selepas keimanan. Perihal ini selaras dengan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Muaz bin Rifa'ah radiallahuanhu meriwayatkan daripada ayahnya, bahawa dia berkata : Abu Bakar berdiri di atas mimbar, lalu menangis dan berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdiri di atas mimbar pada tahun pertama (Hijrah), lalu menangis dan bersabda :

Maksudnya : "Mintalah kepada Allah pengampunan dan keafiatan (kesihatan) kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik dari keafiatan (kesihatan) selepas mendapat keyakinan (iman)".

Demikian tingginya nilai nikmat kesihatan itu. Ia adalah asas bagi penghidupan yang sempurna. Sesungguhnya kesihatan adalah faktor yang amat penting dan merupakan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang diharapkan oleh hamba-hamba-Nya kerana dengan nikmat sihat itu, kita dapat menunaikan kewajiban dunia dengan aman sejahtera dan melaksanakan amal ibadat dengan khushuk, nyaman dan sempurna. Justeru, memandang betapa tingginya nilai kesihatan ini maka adalah menjadi kewajiban kita untuk sentiasa menjaganya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda memperingatkan bahawa antara nikmat yang sering kali diabaikan oleh manusia itu ialah nikmat sihat. Daripada Ibnu Abas radiallahuanha katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Ketika manusia memiliki nikmat sihat ini, mereka lalai dan leka, terkadang mereka melakukan perkara-perkara yang menjauhkan diri mereka daripada menunaikan hak dan melaksanakan

kewajiban yang diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, apabila manusia itu diuji dengan sakit atau ditarik nikmat sihat itu daripada diri mereka. Maka pada ketika itulah mereka baru teringat hendak melakukan amal ibadat dan memperbanyak amal kebajikan.

Sesungguhnya nikmat kesihatan itu adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib kita syukuri. Antara cara bagi kita mensyukurinya ialah dengan menjaga kesihatan tubuh badan dan mengamalkan cara hidup yang baik dan sihat. Selain itu, kita juga boleh mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan bertahmid memuji Allah Subhanahu Wata'ala dan juga mengguna pakai nikmat kesihatan itu untuk mempertingkatkan lagi amal ibadat dan lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, kita selaku rakyat dan penduduk di bumi Darussalam yang bertuah ini bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmatnya juga rakyat dan penduduk di negara ini telah mencapai tahap kesihatan yang baik. Semua ini adalah berkat doa dan usaha pelbagai pihak, terutamanya kepimpinan dan komitmen yang tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Begitu juga, ketika negara kita sedang diuji dengan penyakit Coronavirus, krisis wabak ini telah memupuk sifat sabar orang Brunei kitani untuk sentiasa taat dan patuh pada saranan, nasihat-nasihat dan larangan-larangan yang telah diberikan oleh pihak-pihak yang berwajib bagi membendung dan mengekang penularan wabak Coronavirus, antaranya seperti melakukan penjarakan sosial, menggunakan pensanitasi tangan, memakai sungkup muka, memeriksa suhu badan dan menggunakan aplikasi BruHealth bagi mengimbas kod di premis-premis perniagaan, jabatan-jabatan kerajaan, masjid-masjid dan seumpamanya.

Bercakap mengenai perkara kesihatan ini,

tema Majlis Ilmu yang baru-baru ini kita sambut juga mengingatkan kita pada peri mustahaknya perkara kesihatan. Tema Majlis Ilmu pada tahun ini ialah 'Mensyukuri Nikmat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah'.

Tema ini memperjelaskan mengenai kesihatan itu merupakan satu anugerah nikmat yang sangat besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala, di mana fizikal dan mental yang sihat adalah asas kepada pembangunan dan kesejahteraan umat. Menjaga kesihatan dan kesejahteraan diri adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala yang mewajibkan hambanya untuk sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat dan bersih. Sesungguhnya kehidupan sihat adalah merupakan salah satu asas utama ke arah mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang.

Memandangkan betapa bernilai dan berharganya nikmat kesihatan itu kepada diri kita, maka sudah sewajarnya kita berusaha menjaganya dengan sebaik-baiknya. Kerana itulah agama kita sejak awal-awal lagi telah memberikan peringatan kepada umatnya agar jangan melakukan perkara-perkara yang boleh melanggar prinsip Maqasid Syariah yang mendatangkan kemudaratan pada nyawa, akal dan tubuh badan seperti pengambilan makanan yang berlebihan dan tidak sihat, meminum arak, merokok, penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi gaya hidup yang boleh membinasakan dan membahayakan diri kita dan keluarga.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita dikurniakan kesihatan tubuh badan dan jiwa rohani yang baik supaya kita dapat beramal ibadat dengan lebih sempurna dan dapat hidup dalam suasana yang sihat, gembira dan harmoni. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf) serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan". (Surah Al-Araf, ayat 31)

OPS Pumpung : 6 warga asing ditahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BELAIT, Rabu, 16 Disember. - Satu OPS Pumpung JIPK 160/2020 yang dikendalikan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Kuala Belait, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran



Kebangsaan (JIPK) kali ini menjalankan pemeriksaan projek pembinaan rumah baharu di kawasan Sungai Liang, Daerah Belait.

Operasi yang dijalankan pada 15 Disember, jam 10.20 pagi itu diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan dengan melibatkan tujuh orang pegawai.

Dari hasil pemeriksaan tersebut, enam warganegara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Tiga orang darinya didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (3), iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam Pas Kerja yang dibenarkan.

Manakala tiga orang lagi ditahan kerana gagal mengemukakan sebarang Pas Imigresen yang sah sewaktu pemeriksaan dijalankan.

JIPK akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau



JIPK semasa menjalankan Operasi Pumpung JIPK 160/2020 di sebuah projek pembinaan rumah baharu di kawasan Sungai Liang, Daerah Belait (atas dan bawah kiri).

bersama agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama

perberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.

Orang ramai boleh menghubungi Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) dan +673 8984111 (Kuala Belait).

Dalami Al-Quran, didik kerohanian



BACAAN Surah-surah Al-Quran, Takhtim beramai-ramai dan Doa Khatam Al-Quran diketuai oleh Pesuruhjaya Kerohanian Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani. Turut hadir, Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali (dua, kanan).

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Khamis, 17 Disember. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Projek Pencinta Kalam Allah, yang berlangsung di Ibu Pejabat persatuan berkenaan, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah-surah Al-Quran, bacaan Takhtim beramai-ramai dan Doa Khatam

Al-Quran, diketuai oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Majlis turut diselenggarakan dengan bacaan Tahlil khusus untuk Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Projek Pencinta Kalam Allah PPPBD merupakan salah satu projek keagamaan persatuan yang akan dijalankan secara berterusan.

Tujuan projek ini diadakan adalah untuk memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan, sekali gus mendidik ahli-ahli daripada aspek kerohanian.

Selain itu, ia menggalakkan ahli-ahli persatuan untuk lebih mendekati diri kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup lengkap dan mengeratkan lagi hubungan



PARA ahli, terdiri daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan Pemimpin Dewasa PPPBD ikut serta dalam projek ini bagi peringkat permulaan dan menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran.

silaturahim juga memupuk perasaan muhibah dalam kalangan ahli persatuan.

Seramai 39 ahli, terdiri daripada Pesuruhjaya - pesuruhjaya dan Pemimpin Dewasa PPPBD ikut serta dalam projek ini bagi peringkat permulaan dan menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran.

Turut menyertai majlis khatam tersebut, Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Ketua Pesuruhjaya Persatuan PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Ali.

Bantu kekalkan bekalan darah



ANTARA penderma yang hadir pada Kempen Derma Darah anjuran Kompleks Membeli Belah Mabohai dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Sebanyak 20 pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Kompleks Membeli Belah Mabohai dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.

Kempen Derma Darah selama dua hari, bermula hari ini dan 19 Disember 2020 itu, diadakan mulai 10.00 pagi hingga 3.00 petang, di Aras 2, Kompleks Membeli Belah Mabohai, di sini.

Kempen tersebut bertujuan untuk membantu Pusat Pendermaan Darah dalam mengekalkan lagi bekalan darah yang mencukupi untuk para pesakit di negara ini.


Sehubungan itu, orang ramai yang ingin menderma darah atau mengetahui tarikh dan tempat bagi Kempen Derma Darah, bolehlah melayari Instagram @bloodbank_ripas untuk pertanyaan lebih lanjut.

Adalah diingatkan, para penderma darah perlulah mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram dan berumur 17 tahun ke atas. Tidak mempunyai simptom-simptom jangkitan kuman dalam masa satu minggu kebelakangan, seperti sakit tekak, batuk, hidung berair, cirit-birit dan sakit.

Para penderma juga tidak mengalami demam panas dalam masa tiga minggu kebelakangan dan tidak menjalani sebarang kerja-kerja pergigian dalam masa 24 jam.

Penutupan sementara sebahagian jalan

ROAD DIVERSION PLAN (LOCATION 1)
JALAN TUTONG, KG BUNUT (SPG 545)



PENUTUPAN sementara sebahagian jalan di Jalan Tutong, Kampung Bunut mulai 19 Disember 2020, bermula jam 10.00 malam sehingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian jalan di Jalan Tutong, Kampung Bunut mulai 19 Disember 2020, bermula jam 10.00 malam sehingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Penutupan sebahagian jalan berkenaan adalah bagi membolehkan pemasangan kalbat baharu dilaksanakan dan dijangka siap selama dua bulan.

Sehubungan itu, JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk menggunakan jalan alternatif yang lain dan juga jalan lecong yang dicadangkan.

Selain itu, para pengguna jalan

raya juga adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 / Livechat +673 8333123 atau media sosial Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn*.

2 buah filem Thailand ditayangkan



PENGASAS Bersama Mahakarya Institute of the Arts, Siti Kamaluddin mengalu-alukan pengunjung yang hadir menyaksikan tayangan filem Thailand sempena Brunei December Festival (BDF) 2020.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) menyertai Brunei Film Blitz sempena Brunei December Festival 2020 (BDF 2020) dengan menayangkan dua buah filem bertajuk 'Happy Old Year' dan 'Low Season', bertempat di Mahakarya Institute of the Arts Asia, Batu Satu.

Tayangan dua buah filem tersebut diadakan secara

berturut-turut bermula jam 5.00 petang dan 7.00 malam dan dihadiri oleh pengemang-pengemang filem Thailand, komuniti Thailand di NBD, Friends of Thailand dan juga penuntut-penuntut universiti.

Hadir menonton bersama pengunjung ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul.



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kehadiran pengunjung bagi menyaksikan tayangan filem Thailand sempena BDF 2020.

Terdahulu sebelum tayangan, Puan Yang Terutama menghoskan sebuah resepsi untuk para pengunjung dan memberikan ucapan alu-aluan.

Menurut PYT, tahun ini merupakan tahun kedua-dua pihak kedutaan menyertai Brunei Film Blitz sempena BDF 2020 dan seterusnya menzahirkan penghargaan kepada Mahakarya Institute of the Arts Asia atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan tayangan filem tersebut.

Selain dari Thailand, beberapa negara sahabat juga akan turut sama menayangkan filem dari negara masing-masing sempena BDF, yang antaranya juga akan ditayangkan di Mini Amphitheatre, Jerudong Park Playground.

Prestasi jualan runcit terus meningkat

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Pada suku ketiga (Q3) 2020, prestasi jualan runcit di Negara Brunei Darussalam (NBD) terus menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun, sebanyak 10.3 peratus, selepas peningkatan sebanyak 1.6 peratus pada suku kedua (Q2) 2020. Jumlah nilai jualan runcit pada Q3 2020 dianggarkan bernilai sebanyak BND407.3 juta.

Peningkatan jualan runcit terutamanya didorong oleh jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi yang meningkat sebanyak 42.2 peratus diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah sebanyak 28.2 peratus; jualan di Pasar Raya (10.6 peratus) dan jualan di Gedung Serbaneka (9.0 peratus).

Peningkatan jualan runcit ini selaras dengan kenaikan permintaan domestik bagi barangan tertentu berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan disebabkan oleh situasi jangkitan COVID-19 di negara ini seperti pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (*online*), bertugas dari rumah (*work from home*) dan sekatan keluar negeri.

Sementara itu, terdapat juga hasil jualan bagi beberapa barangan lain telah menunjukkan penurunan, seperti buku, surat khabar dan alat tulis di kedai khusus (23.6 peratus), perkakasan, cat dan kaca di kedai khusus (9.5 peratus) dan stesen minyak (3.7 peratus).

Bagi perkhidmatan makanan dan minuman di NBD pada Q3 2020, prestasi jualan perkhidmatan tersebut menurun sebanyak 1.6 peratus berbanding Q3 2019. Jumlah hasil perkhidmatan makanan dan minuman pada Q3 2020 dianggarkan bernilai sebanyak BND84.5 juta.

Penurunan jualan perkhidmatan makanan dan minuman adalah disebabkan pengurangan pendapatan Lain-lain Aktiviti Perkhidmatan Makanan sebanyak 31.4 peratus diikuti dengan pendapatan Kedai Makanan Segera sebanyak 1.5 peratus dan pendapatan Restoran (0.8 peratus).

Pelan *de-escalation* berkaitan situasi jangkitan COVID-19 bagi perkhidmatan penyajian makanan (*dine-in*) telah bermula pada 27 Julai 2020 di mana premis-premis makanan dibenarkan untuk beroperasi pada kadar kapasiti seperti biasa (100 peratus).

Walau bagaimanapun, memandangkan pelaksanaan tersebut baharu bermula, jualan perkhidmatan makanan dan minuman belum dapat mencapai tahap normal, seperti tahun 2019 dan mengalami penurunan berbanding Q3 2019.

Berbanding dengan suku kedua (Q2) 2020, hasil jualan runcit pada Q3 2020 menurun sebanyak 3.9 peratus terutamanya disebabkan oleh penurunan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 9.4 peratus.

Manakala, bagi perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan peningkatan sebanyak 18.8 peratus pada Q3 2020 berbanding Q2 2020. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam hasil aktiviti Restoran sebanyak 24.0 peratus.

Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM & M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan gambaran bagi trend perbelanjaan pengguna di NBD bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES, www.deps.gov.bn.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Kampung Lambak Kanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan sijil tersebut ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Ketua Keagamaan PKWE Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Aliakbar bin Ali dan diteruskan dengan persembahan sketsa 'Kenali

Bahasa Isyarat' daripada peserta bengkel.

Majlis juga turut diserikan dengan tayangan video pendek mengenai aktiviti yang diadakan oleh para peserta sepanjang mengikuti bengkel tersebut.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai Bengkel Bahasa Isyarat boleh menghubungi Bahagian Orang Kelainan Upaya menerusi talian +673 2330315 atau melalui e-mel kepada pusatbahagia@gmail.com.

Peserta bengkel terima sijil




BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Bengkel Asas Bahasa Isyarat anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selama tiga hari bermula 15 Disember lalu berakhir pada petang ini dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 81 Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara serta pegawai-pegawai kerajaan bertempat di Dewan Kemasyarakatan Jalan 77,

PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Salleh menyampaikan Sijil Bengkel Asas Bahasa Isyarat kepada peserta yang diraikan (kiri), sementara gambar bawah, majlis turut diserikan dengan persembahan sketsa 'Kenali Bahasa Isyarat' daripada peserta-peserta bengkel.




MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PENGURUS ESTET [B.2 EB.3 / B.2] 2020/0048/02	JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KEMENTERIAN PERTAHANAN	1	7(A)	19 DISEMBER 2020
02.	PEGAWAI ETNOGRAFI [B.2 EB.3] 2020/0044/05	BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	19 DISEMBER 2020
03.	PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN [C.3-4 EB.5] 2020/0048/06	JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	1	7(A)	19 DISEMBER 2020
04.	GURU [G.3 / G.8] 2020/0048/08	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	2	7(A)	19 DISEMBER 2020
05.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN [KUMPULAN 2] 2020/0048/01	DIVISYEN PENGURUSAN LEMBAGA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	1	38(A)	19 DISEMBER 2020
06.	TIMBALAN PENGARAH [KUMPULAN 3] 2020/0048/11	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	38(A)	19 DISEMBER 2020
07.	PEGAWAI SAINTIFIK [B.2 EB.3] 2020/0049/05	BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	26 DISEMBER 2020

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



**LEMBAGA BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**GERAI MAKAN GERAI
SELERA TUTONG
JALAN MENTERI TAIB TUTONG**

ADALAH dimaklumkan bahawa tawaran bagi mendapatkan ruang-ruang kosong Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib Tutong akan dibukakan kepada syarikat-syarikat francais dan syarikat persendirian mulai **Rabu, 16 Disember 2020 dan tarikh tutup adalah pada Rabu, 30 Disember 2020**, yang mana dibukakan kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang bermastautin di Daerah Tutong.

Jenis-jenis jualan yang ditetapkan adalah seperti minuman, masakan Melayu tempatan, masakan ala China / Thailand, masakan ala Arab / India, masakan segera (*fastfood / francais*) dan masakan ala Jepun / Korea.

Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut mengenai ini bolehlah diperolehi di Kaunter Unit Perlesenan, Jabatan Bandaran Tutong semasa waktu pejabat dan tarikh tutup penerimaan permohonan ialah pada **Rabu, 30 Disember 2020, jam 2.00 Petang** dan hendaklah dimasukkan di dalam Peti Tawaran Jabatan Bandaran Tutong.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tajuk Sebut Harga :

1. Kontrak bermusim bagi kerja-kerja pembersihan bangunan (cleaning service) bangunan-bangunan di bawah kawalan

Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 24 bulan (2 tahun)
AME / 2021 - 2022 / SH-01

2. Perkhidmatan pembersihan bangunan (cleaning service) bangunan Sekuriti Jabatan Penerbangan Awam dan persekitarannya bagi tempoh 24 bulan (2 tahun)
AME / 2021 - 2022 / SH-02

3. Kontrak bermusim bagi kerja-kerja pembersihan bangunan (cleaning service) bangunan Balai Bomba Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 24 bulan (2 tahun)
AME / 2021 - 2022 / SH-03

4. Kontrak bermusim bagi kerja-kerja pemotongan dan pembersihan rumput, pokok serta longkang di kawasan

Perumahan Bomba, Perumahan DCA, Kawasan Laluan Kenderaan Bomba Hujung Landasan 21, dan Kawasan Hujung Landasan Approach Light 03 Jabatan Penerbangan Awam
AME / 2021 - 2022 / SH-04

5. Kerja-kerja pembersihan bangunan (cleaning service) bangunan Pentadbiran (D.C.A Building) Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 24 bulan (2 tahun)
AME / 2021 - 2022 / SH-05

Tarikh tutup sebut harga :
Rabu, 6 Januari 2021
(hingga jam 2.00 Petang)



KEMENTERIAN KESIHATAN



KETERANGAN :
THE PROVISION OF LEASING OF HEMODIALYSIS MACHINE WITH DIALYSIS DATA ACQUISITION & MANAGEMENT SYSTEMS WITH CENTRAL MONITORING FOR RENAL SERVICES DEPARTMENT, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF SEVEN (7) YEARS

2. BIL. TAWARAN :
KK / 180 / 2020 / 2021 / TUT
KETERANGAN :

URGENT REPLACEMENT AIR CIRCUIT BREAKER AND COUPLER FOR MAIN BREAKER NO 3 AT PMMPMHAMB HOSPITAL TUTONG

3. BIL. TAWARAN :
KK / 181 / 2020 / 2021 / TUT
KETERANGAN :

REPLACEMENT OF DEFECTIVE

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. BIL. TAWARAN :
KK / 179 / 2020 / 2021 / HTD (TC)



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 130 / 2012

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
(formerly known as The Islamic Bank of Brunei Berhad)

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

SHAHMINAN BIN IBRAHIM
(BPIC No. 00-055467)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 17 September 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-

pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5) Mahkamah Besar pada 22 Disember 2020, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **22 Disember 2020, jam 9.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 24 Oktober 2020

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1152 / 2020

Tajuk Projek :
CLEANING SERVICES OF HIGH RISE EXTERNAL FACADE TO MINISTRY OF HOME AFFAIRS FOR ONE-OFF.

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1152 / 2020



Tarikh tutup :
6 Januari 2021 (Rabu)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAJUK TAWARAN :
TERM CONTRACT FOR THREE (3) MONTHS IN PREVENTIVE MAINTENANCE OF HOLD BAGGAGE SCREENING SYSTEM, CIVIL AVIATION DEPARTMENT, BRUNEI INTERNATIONAL



AIRPORT
AME / 2021 - 2022 / SH-06

TARIKH TUTUP :
Rabu, 13 Januari 2021
(hingga jam 2.00 Petang)

VAV BOXES C/W ASSOCIATED CONTROLS AT VARIOUS LOCATION, PMMPMHAMB HOSPITAL TUTONG

4. BIL. TAWARAN :
KK / 182 / 2020 / 2021 / JPK (TC)
KETERANGAN :

CLINICAL / BIOHAZARD WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR HEALTH CENTRES AND CLINICS TUTONG DISTRICT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

5. BIL. TAWARAN :
PHARM / 183 / 2020 / 2021 / JPK (TC)
KETERANGAN :

DOMESTIC WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR SUNGAI LIANG HEALTH CENTRES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

TARIKH TUTUP:
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
29 DISEMBER 2020



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 256 (2)

SUPPLY OF DOG MEDICINES FOR GURKHA RESERVE UNIT - FIVE (5) YEARS CONTRACT

TARIKH TUTUP DILANJUTKAN KEPADA:
SELASA,
12 JANUARI 2021,
[TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAH PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 280 (1)
PROGRAM PERKEMBANGAN EKSEKUTIF (EDP)
SIRI 17/18/19 (2021 - 2023)
BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN
ANJURAN KEMENTERIAN PERTAHANAN
- KUANTITI 1 LOT

TARIKH TUTUP :
SELASA, 19 JANUARI 2021,

[TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG]



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS SEBUT HARGA

1. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q35

TO SUPPLY AND DELIVERY OF VIDEO CONFERENCE SYSTEM FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT

2. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q36

TO SUPPLY AND DELIVERY OF A3 LASERJET PRINTER FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT

TARIKH TUTUP :

Isnin, 4 Januari 2021
Jam : sebelum 9.00 Pagi



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / 23 / 2020 - 2021

KETERANGAN :
MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA KELUAR BAGI SEKOLAH-SEKOLAH ARAB DAN UGAMA, JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TAHUN 1442H - 1443H / 2020M - 2021M

Tarikh tutup tidak lewat pada :
Rabu, 30 Disember 2020,
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 53 / CQS / 2020 - T / VI

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPOLIH DAN MENAIKTARAF BANGUNAN MUZIUM BRUNEI DAN BANGUNAN PAMERAN SECARA MENYELURUH

TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021 (SELASA)



TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KKE / BTM / PROC / 2020 / 12

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN MESIN CETAK A4 COLOR LASERJET UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tarikh Tutup :
Sabtu, 9 Januari 2021
[jam 2.00 petang]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM037 / 2020

NAMA PROJEK :
UBAHSUAI KESELURUHAN BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN DI TINGKAT 4, DI JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TARIKH TUTUP :
12 JANUARI 2021 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Reference:
DCA / HSSE / 2020 / T1

Name:
Pagar keselamatan dan Sistem Pengesahan Pencerobohan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei



Closing date:
Tuesday, 19 January 2021, 2.00 PM



Bagitau saja BSM

Pusat Panggilan BSM 2244739 #GitauBSM



MPK Puni, Batang Tuau adakan lawatan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

JERUDONG, Rabu, 16 Disember. - Seramai 27 ahli Majlis Perundangan Kampung (MPK) Puni dan Batang Tuau, Temburong pagi tadi mengadakan lawatan ke Taman Lebah Kelulut Mejawa Jerudong dan Rumah Persendirian di Kampung Jerudong untuk menyaksikan tunjuk cara

mengelupis dan makanan tradisi Puak Kedayan.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau, Awang Ashawary bin Haji Abdul Rahman itu dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang.



Taman Lebah Kelulut Mejawa Jerudong yang diusahakan oleh ahli-ahli Biro Ekonomi MPK Jerudong 'B' itu juga dikenali sebagai JK Kelulut Jerudong sejak tahun 2014.

Kira-kira 100 log madu dari pelbagai jenis lebah kelulut seperti jenis ITAMA, TUMA dan SP terdapat di taman berkenaan.

MPK Jerudong 'B' berjaya menjana kira-kira BND6,000 dari 300 botol madu dalam tempoh dua tahun kebelakangan, selain dari dalam negara, madu lebah kelulut ini juga pernah dipasarkan ke luar negara semasa menghadiri Expo Antarabangsa di China pada tahun 2017.

Untuk perancangan akan datang, taman tersebut akan diluaskan lagi sehingga tiga ekar untuk memuatkan sehingga 200 log lebah kelulut.

JK Kelulut Jerudong sering kali dipelawa mengikuti ekspedisi jualan yang dianjurkan di Dewan Muhibbah Jabatan Daerah Brunei dan Muara; Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas; Airport Mall; Dewan Bridex dan lain-lain.

Rombongan juga dibawa melawat bagi menyaksikan tunjuk cara mengelupis dan makanan



PEMANGKU Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau, Awang Ashawary bin Haji Abdul Rahman semasa mengetuai rombongan berkenaan dan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang (atas), sementara gambar kiri, antara rombongan mendengarkan penerangan mengenai Taman Lebah Kelulut Mejawa Jerudong.

tradisi Puak Kedayan seperti dalam, sumbu-sumbu, sibujang dan lapat daripada ahli-ahli Biro Wanita MPK Jerudong 'B'.

Lawatan seumpamanya bukan sahaja untuk mengeratkan silaturahim, malah bertujuan untuk

bertukar-tukar pandangan dan fikiran mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan perekonomian MPK.

Di akhir lawatan, rombongan menyaksikan pameran kraf tangan yang dihasilkan oleh ahli MPK.

30 peserta ikuti Kursus Fire Marshal



PARA peserta mengaplikasikan tatarcara memadamkan api dengan betul (atas). Sementara gambar bawah, para peserta Kursus Fire Marshal turut bergambar ramai bersama anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Seramai 30 peserta lulus mengikuti Kursus Fire Marshal yang diadakan selama tiga hari baru-baru ini dan dikendalikan oleh Unit

Perhubungan Awam Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) di mana peserta-peserta terdiri daripada Royal Brunei Catering, Makan Ceria Sdn. Bhd, Comquest Sdn. Bhd. dan Ray International Sdn.



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

Bhd.

Kursus tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan tentang tatarcara penggunaan alat pemadam api dan dalam masa yang sama memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya api.

Selain itu, kursus berkenaan juga bermatlamat untuk membentuk individu itu untuk bertindak secara profesional apabila menghadapi api kebakaran sama ada di rumah kediaman ataupun di mana sahaja berada.

Dalam kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatarcara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api yang khusus.

Selain itu, JBP juga mengingatkan kepada orang ramai, jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

Peluang pelajari pembuatan keropok

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 16 Disember. - Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Cawangan Daerah Tutong mengadakan pelbagai aktiviti program cuti sekolah bagi mengisi masa lapang kanak-kanak dengan aktiviti yang berfaedah.

Antara aktiviti yang diunkayahkan hari ini ialah tunjuk cara membuat Keropok Udang yang diajarkan oleh Ahli-ahli Biro Wanita Majlis Perundangan Kampung (MPK) Sungai Bunga, Dayang Maswati binti Haji Mohiddin dan Dayang Nur Aqilah Zakiah binti Zakaria yang juga turut menjelaskan bahawa asas pembuatan keropok adalah udang segar yang dikisar halus dan digaul dengan tepung kanji dan perisa.

Aktiviti tunjuk cara tersebut bermula dari jam 9.30 pagi hingga selesai dan dihaskan kepada orang awam serta ahli muda-mudi perpustakaan terutama sekali daripada ibu-ibu yang juga tidak ketinggalan bagi merebut peluang untuk menyaksikan dan mempelajari sendiri pembuatan keropok tersebut.

DBP melalui Bahagian Perpustakaan mempunyai wawasan untuk menjadikan institusi perpustakaan sebagai pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan berkebudayaan bagi segenap golongan masyarakat di negara ini.

Budaya Cintakan Ilmu dan Pembacaan perlu dipupuk dan dipelihara, ke arah itu, institusi perpustakaan memainkan peranan dalam usaha membina masyarakat berbudaya ilmu dan membaca kerana ia adalah infrastruktur ilmu yang penting dalam usaha menyalurkan ilmu kepada orang ramai seiring dengan infrastruktur fizikal untuk kemajuan masyarakat yang bakal melahirkan perpustakaan dan pustakawan contoh.

Dalam pada itu, DBP tidak kendur-kendur berusaha mengunkayahkan pelbagai acara dan aktiviti yang menjurus ke arah meningkatkan budaya membaca untuk melahirkan generasi modal insan kelas pertama terutama sekali dalam kalangan tunas bangsa dan muda-mudi.



ORANG awam dan Ahli Muda-Mudi Perpustakaan, terutama sekali golongan ibu-ibu juga tidak ketinggalan menyaksikan pertunjukan cara-cara membuat Keropok Udang.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

Bekalkan kemahiran asas penyempurnaan jenazah

LUMAPAS, Jumaat, 18 Disember. - Seramai 45 peserta perempuan, terdiri daripada penduduk Kampung Lumapas dan jemaah Muslimah Masjid Kampung Lumapas menyertai Bengkel Fardu Kifayah (Penyempurnaan Jenazah), diadakan di Sekolah Agama Lumapas, di sini.

Bengkel anjuran bersama Kumpulan Ashabul Akhyar Belia Masjid Kampung Lumapas Takmir dan Kumpulan Muslimah Masjid Kampung Lumapas itu, bertujuan memberikan pendedahan fardu kifayah kepada penduduk tempatan dan membekalkan para peserta dengan kemahiran asas yang diperlukan bagi tujuan berkenaan.

Sesi pertama bengkel tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Bengkel diadakan secara teori dan latihan praktikal dikendalikan oleh para pembekel daripada Unit Tanah - tanah Perkuburan Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama.

Sesi kedua Bengkel Fardu



PARA peserta perempuan, terdiri daripada penduduk Kampung Lumapas dan jemaah Muslimah Masjid Kampung Lumapas diberikan penerangan mengenai Fardu Kifayah (Penyempurnaan Jenazah) (atas dan atas kanan).

Kifayah (Penyempurnaan Jenazah) akan diteruskan bagi para peserta lelaki, pada Sabtu, 19 Disember 2020 bertempat di Masjid Kampung Lumapas.



Hospital PMMPMHAMB anjur Kempen Derma Darah

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 18 Disember. - Setiap individu yang ingin menderma darah hendaklah mempunyai tahap kesihatan dan kecergasan yang baik supaya tidak menjejaskan kesihatan setelah menderma.

Penderma hendaklah mendapatkan tidur yang mencukupi dan sebaiknya mengisi perut yang kosong sebelum menjalani pemeriksaan kesihatan, seperti pemeriksaan tekanan darah dan paras hemoglobin sebelum diluluskan oleh pegawai kesihatan untuk menderma darah.

Demikian dikongsikan oleh Pegawai Saintifik di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong, Awang Zaki bin Amat Daud ketika ditemui oleh Pelita Brunei semasa Kempen Derma Darah yang diadakan di makmal hospital berkenaan.

Setiap penderma akan menderma sebanyak satu pain darah bersamaan 450 ml atau 350 ml yang akan diproses kepada tiga komponen, iaitu *packed cell* atau konsentrasi sel darah merah, Fresh Frozen Plasma (FFP) dan platelet.

"Kempen Derma Darah merupakan aktiviti berterusan hospital ini pada Jumaat terakhir setiap bulan di sepanjang tahun 2020. InsyaaAllah, ia akan disambung dengan lebih kekerapan pada tahun akan datang," tambahnya.

Selain semasa kempen, makmal Hospital PMMPMHAMB juga menerima penderma darah secara *walk-in* pada waktu pejabat.

Manakala setiap bulan Ramadan, makmal juga dibukakan untuk kemudahan penderma berkunjung pada sebelah malam bermula jam 8.00 hingga 11.00 malam.


Para penderma seterusnya dinasihatkan untuk menjaga kesihatan dengan memakan makanan yang berkhasiat dan tinggi zat besi, dan mengelakkan dari melakukan aktiviti fizikal atau bersukan dalam 24 jam selepas menderma.

Hospital PMMPMHAMB akan menggunakan akaun media sosial di Instagram @bloodbank_ripas untuk mempromosikan lagi kempen derma darah pada masa akan datang.



PENDERMA darah, khususnya dari Daerah Tutong menyambut baik Kempen Derma Darah, yang diadakan setiap bulan, di Makmal Hospital PMMPMHAMB, Tutong.

NCDs penyebab utama punca kematian pramatang



WEBINAR sesi terakhir, bertajuk 'Program Pemeriksaan (Saringan) Kesihatan Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Pengiran Dr. Muhd. Khairulhazman bin Pengiran Dato Paduka Haji Othman.

Berita dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Disember. - Webinar Bersiri yang diadakan sempena Kempen Kesedaran Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (Noncommunicable Diseases - NCDs) yang diungayahkan oleh Kementerian Kesihatan selama tiga bulan menutup tirainya hari ini, disiarkan secara langsung melalui Facebook, Instagram dan YouTube kementerian berkenaan.

Webinar sesi terakhir, bertajuk 'Program Pemeriksaan (Saringan) Kesihatan Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Pengiran Dr. Muhd. Khairulhazman bin Pengiran Dato Paduka Haji Othman.

Antara isi Webinar tersebut menyentuh mengenai topik NCDs secara rumusan, di mana kebanyakan NCDs adalah bersifat kronik atau berpanjangan, seperti kanser, penyakit jantung, strok, kencing manis, penyakit buah pinggang dan penyakit pernafasan kronik.

NCDs ini secara keseluruhan merupakan antara penyebab utama punca kematian pramatang di negara ini.

Beliau juga menerangkan, kebanyakan NCDs berkongsi faktor-faktor risiko yang sama, seperti peningkatan darah tinggi, paras darah gula yang tinggi, berat badan berlebihan (obesiti), paras kolesterol yang tinggi, tabiat

merokok, pemakanan yang tidak sihat dan cara hidup yang tidak aktif.

Secara langsung, peningkatan faktor-faktor risiko ini boleh menyumbang ke arah peningkatan NCDs.

Menurutnya, dalam kesihatan awam, terdapat tiga peringkat pencegahan, iaitu Primary Prevention - Promosi Kesihatan dan Imunisasi atau Vaksinasi; Secondary Prevention - Saringan dan Pengesanan Awal; dan Tertiary Prevention - Pemulihan.

"Ujian saringan (*screening*) secara ringkas bermaksud menjalani ujian atau pemeriksaan kesihatan yang dilakukan oleh golongan yang berisiko, tetapi tidak menunjukkan tanda-tanda atau gejala penyakit. Tujuan saringan adalah untuk mengenal pasti, sama ada seseorang itu mempunyai faktor risiko penyakit atau untuk mengesan penyakit pada peringkat awal. Di samping itu, saringan dan pengesanan awal NCDs boleh menjimatkan kos rawatan yang signifikan, berbanding jika dikesan pada peringkat lebih akhir," katanya.

Di samping inisiatif-inisiatif promosi kesihatan, jelasnya, pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga mewujudkan satu Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan yang merangkumi empat ujian saringan, di mana sebahagian besar dijalankan oleh jururawat-jururawat terlatih, di pusat-pusat kesihatan kerajaan.

Untuk keterangan lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan, bolehlah melayari laman sesawang www.ppk.gov.bn.

PIHAK kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga mewujudkan satu Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan yang merangkumi empat ujian saringan.

National Health Screening Programme



Usaha ke arah mempelbagai sumber tenaga

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan Kementerian Tenaga



PERCUBAAN solar pertama yang telah dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun 2011 adalah merupakan Tenaga Surya Brunei dengan kapasiti 1.2 MW untuk penjana kuasa. Sebanyak enam jenis panel solar fotovolta (PV) telah diuji.

Projek tersebut memberikan maklumat yang berguna kepada negara mengenai teknologi PV yang paling sesuai dan berprestasi tinggi dengan kesesuaian keadaan meteorologi setempat.

Dalam tiga tahun mendatang, Kementerian Tenaga (ME) merancang ingin membina satu ladang suria (*solar field*) 30MW yang terletak di Sungai Akar di Daerah Brunei dan Muara dalam meningkatkan kapasiti penjana tenaga RE (Renewable Energy).

Selepas itu, melalui pelbagai projek ladang suria dan pemasangan solar di atas bumbung, NBD bertujuan untuk memiliki kapasiti pemasangan tenaga solar yang terpasang sekurang-kurangnya 300MW menjelang 2035. Ini adalah untuk menyokong matlamatnya untuk meningkatkan kapasiti RE sekurang-kurangnya 30 peratus dalam jumlah keseluruhan campuran penjana tenaga.

Pembekalan Elektrik Di Luar Bandar

ME telah memastikan kadar elektrik

99.9 peratus untuk negara. Dengan tanah yang luas serta jumlah penduduknya yang kecil, sebahagian kecil penduduk NBD tinggal di daerah terpencil, terutama di daerah pedalaman di Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Di kawasan ini, jarak dan kawasan memberikan cabaran untuk menyambung ke jaringan bahagian penting bagi memastikan akses elektrik yang lengkap untuk penduduk, terutama di kawasan luar bandar, di mana penyediaan kabel pengaliran sangat mencabar, adalah melalui Projek RE, khususnya tenaga suria. Pelaksanaan panel suria secara kecil-kecilan di kawasan luar bandar memberi kesan yang besar terhadap kehidupan penduduk.

Sebagai tambahan kepada penjana yang ada, ia membolehkan mereka menikmati kestabilan bekalan elektrik yang lebih besar, sementara tidak terpancar dari jaringan utama. Ia juga mengurangkan pelepasan dari generator yang digerakkan oleh bahan bakar fosil.

Dalam jangka panjang, NBD bertujuan untuk memberi kuasa kepada kawasan luar bandar ini dengan bekalan tetap menggunakan kabel, dan melalui penyatuan ke jaringan utama. Dalam memastikan jaringan negara yang terintegrasi, projek untuk menghubungkan Daerah Temburong, sebuah daerah yang kebanyakannya bergantung pada penjana tenaga diesel, ke sistem kuasa utama melalui saluran 66kV juga sedang berjalan, dengan tarikh

penyelesaian sasaran dalam lima tahun akan datang.

Saling Hubungan Kuasa Dua Hala

NBD dan Malaysia pada masa sekarang mencari dalam perdagangan bekalan elektrik menerusi projek kesalinghubungan kuasa dua hala. Kesiapan talian saling hubungan ini akan menggabungkan Sarawak, Malaysia dan NBD kepada Sistem Timur Grid Kuasa ASEAN.

Pertukaran kuasa ini akan menjadi satu komitmen ke arah menyokong penggunaan RE termasuk sumber-sumber kuasa hidro di rantau ini untuk keselamatan tenaga selanjutnya dan mengurangkan kesan-kesan perubahan iklim.

Kerjasama Serantau Generasi Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Dan Alternatif

Dalam menyokong usaha-usaha serantau ke arah memastikan tenaga mampan, NBD dan Republik Korea pengerusi Renewable and Alternative Power Generation (RAPG) Work Stream di bawah naungan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Kerjasama Tenaga. Aliran Kerja ini ditubuhkan sebagai hasil pertemuan di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Barack

Obama pada bulan Mac 2013 di Washington DC. Tujuan utama Stream Work adalah untuk merangsang kerjasama RE baharu dan kerjasama di rantau EAS.

Projek di bawah Stream Kerja akan wujud bersama-sama dan melengkapkan aktiviti RE semasa dalam ASEAN dan Rakan Dialog.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan peranan RE di rantau ini dengan peningkatan kapasiti dan pertukaran pengetahuan dan kemahiran. Sejak penubuhannya, RAPG Work Stream telah memfokuskan kegiatannya untuk anggota EAS untuk memperkuatkan kebijakan mempromosikan RE melalui peningkatan pelaburan ke rantau ini. Aliran Kerja juga telah melakukan Demonstrasi Teknologi Terbarukan dan Pemetaan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui untuk wilayah ini.

NBD terus melaksanakan langkah-langkah EEC (Energy Efficiency and Conservation) secara aktif dalam usaha untuk mempelbagaikan sumber tenaga untuk pembangunan mampan, serta memperkenalkan dasar RE untuk menggalakkan pelaburan dalam sistem tenaga boleh diperbaharui. Inovasi, teknologi dan kerjasama akan menjadi kunci untuk memenuhi permintaan elektrik semasa dan masa depan. NBD menyokong seruan global dan serantau untuk kerjasama dan mengalu-alukan peluang untuk meneroka penyelidikan dan inovasi bersama ke arah masa depan tenaga yang lebih mampan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan



Memantapkan penghayatan agama Islam melalui pelbagai inisiatif

KE arah mempelbagaikan medium dakwah melalui penyebaran yang berkesan dan penguatkuasaan hidup beragama di negara ini, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. PDI mula beroperasi pada 8 Rabiulakhir 1405 Hijrah bersamaan dengan 1 Januari 1985 dan perasmianya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan dengan 16 September 1985.

Dengan visi, memperkasa keramian dan amalan agama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi mencapai Negara Zikir dan Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur (Negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun).

Selaras dengan misi PDI, bagi menyebarluaskan dan memantapkan ajaran serta penghayatan agama Islam kepada rakyat dan penduduk negara ini bagi kesejahteraan beragama dan bernegara Menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah Mazhab Syafi'e.

Program Masjid Tour

Program Masjid Tour bertujuan bagi membawa pelawat ke masjid dan sekitarnya serta memberi maklumat tentang masjid bagi orang bukan Islam dan

menyebarkan pamflet kepada orang awam mengenai Islam dan ajarannya. Program ini disasarkan kepada orang bukan Islam dan orang awam semasa acara BandarKu Ceria (Belia Muallaf As Syahadah). Program dilaksanakan pada 20 Oktober 2019 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Program Free Market 'Kembali ke Sekolah'

Program Free Market 'Kembali ke Sekolah' bertujuan bagi membantu muallaf yang kurang berkemampuan untuk menyediakan peralatan sekolah bagi anak-anak mereka, di samping menyantuni muallaf dan keluarga mereka. Program ini dilaksanakan pada 18 Disember 2019 dengan sasaran kepada warga PDI dan orang awam.

Aplikasi Mushaf Brunei dan Terjemahannya

Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya diperkenalkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan telah dilancarkan pada 29 Disember 2018 dengan hasrat untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membaca Al-Quran, sekali gus memahami dan menghayati isi kandungannya serta sebagai rujukan sahih yang boleh diguna pakai oleh umat Islam di negara ini dan seluruh dunia amnya.

Antara objektif aplikasi berkenaan ialah untuk menjadikan telefon bimbit dan tablet komputer sebagai media penyebaran Mushaf Al-Quran Brunei Darussalam dan

terjemahannya yang boleh dimuat turun dengan mudah dan sesuai dengan perkembangan teknologi terkini.

PDI mampu memikul dan meneruskan misi ini serentak dengan membangun dan memajukan kemahiran tempatan bidang infoteknologi dan digital.

Program 1 Hari 1 Kali Khatam

Program 1 Hari 1 Kali Khatam ini dilaksanakan bermula 1 April hingga 31 Julai 2020, adalah salah satu sumbangan PDI kepada negara untuk memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar memberikan perlindungan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khasnya dan seluruh dunia amnya terhadap ancaman penularan pandemik COVID-19, di samping sebagai satu usaha memohon semoga Allah Subhanahu Wata'ala menyembuhkan para pesakit.

Panduan Menghadapi Wabak Penyakit (Buku Semasa)

Sebagai salah satu jabatan yang berperanan dalam menyebarkan dakwah Islamiah dan amalannya, sekali gus menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai wabak COVID-19 pada 21 Mac 2020, PDI telah menyusun buku ini dengan menitikberatkan perkara yang perlu

dilaksanakan oleh umat Islam ketika menghadapi pelbagai bentuk ujian atau musibah dengan mengikut apa yang telah digariskan oleh ajaran Islam iaitu reda, sabar, berusaha, tawakal dan istiqamah.

Buku tersebut memuatkan kaifiat Sembahyang Sunat Taubat serta himpunan doa, zikir, selawat dan ayat-ayat syifa yang mudah dan sesuai diamalkan oleh umat Islam bukan sahaja dalam usaha menolak penularan wabak ini, tetapi dalam menghadapi apa jua dugaan, musibah dan malapetaka. Buku Panduan Menghadapi Wabak Penyakit dihasratkan dapat menjadi panduan dan amalan bagi seluruh rakyat di negara ini khususnya yang beragama Islam.

Penyerahan melalui Majlis Penyerahan Buku Panduan Menghadapi Wabak Penyakit yang diadakan pada 12 Ogos 2020 di Dewan Persidangan, PDI. Buku ini disasarkan kepada Kerabat Diraja, Menteri hingga Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Kementerian Kesihatan (Wad-wad), Perpustakaan di jabatan kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam.

Mudah-mudahan inisiatif yang telah dilaksanakan itu dapat dimanfaatkan orang ramai dalam mengukuhkan kehidupan beragama dan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala.



Makin banyak sektor di China saksi pemulihan : WSJ



BEIJING, 18 Dis. - Laporan The Wall Street Journal (WSJ) pada Selasa menyatakan ekonomi China mencatatkan pemulihan membabitkan sektor-sektor makin luas.

Menurut laporan itu, petunjuk diguna pakai untuk mengukur aktiviti perkilangan di China mencapai tahap tertinggi dalam tempoh tiga tahun, sekali gus menyumbang kepada peningkatan prestasi ekonomi negara ini.

Terdahulu, Biro Statistik Negara (NBS) China mengumumkan, Indeks Pengurus Pembelian (PMI) bagi November merekodkan 52.1 peratus, menokok 0.7 peratus berbanding Oktober; manakala indeks kegiatan perniagaan bukan perkilangan mencatat 56.4 peratus, dengan pertumbuhan sebanyak 0.2 peratus.

Menurut laporan itu lagi, sektor perindustrian menerajui memberikan nafas baharu kepada

ekonomi China sejak suku kedua tahun ini, sementara prestasi sektor perkilangan kekal kukuh apabila beberapa indeks menunjukkan tahap memuaskan, antaranya indeks penghasilan, indeks tempahan baharu dan indeks eksport baharu.

Selain itu, dengan keberkesanan pembendungan wabak COVID-19 dan kehidupan masyarakat kembali normal, sektor perkhidmatan dapat bernafas

semula bagi memacu pemulihan ekonomi domestik.

WSJ turut memetik ahli strategi pasaran global dari Pengurusan Aset J.P. Morgan, Zhu Chaoping

sebagai berkata, prestasi industri perkilangan China dijangka kekal kukuh dalam tempoh beberapa bulan akan datang. - ©BERNAMA

Tai Chi, Wangkang disenarai warisan budaya UNESCO

BEIJING, 18 Dis. - Seni bela diri Tai Chi (Taijiquan) dan upacara Wangkang disenarai sebagai warisan budaya bukan benda oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sains Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), pada Khamis.

Pengiktirafan tersebut menjadikan jumlah warisan budaya bukan benda China dalam senarai UNESCO meningkat kepada 42, terbanyak di

dunia.

Sejak pertengahan abad ke-17, Tai Chi yang juga diamalkan sebagai senaman mempunyai ramai peminat bukan sahaja di China, malah seluruh dunia.

Selain membantu menguatkan tubuh badan, Tai Chi menerapkan unsur-unsur budaya tradisional serta falsafah mengenai keharmonian alam dan manusia.

Sementara itu, upacara Wangkang bukan sahaja sinonim dengan masyarakat di Fujian,

China malah ia juga menjadi amalan dalam kalangan penduduk di Melaka.

Wangkang, tradisi yang wujud antara abad ke-15 hingga abad ke-17 di selatan Fujian, diamalkan bagi mendoakan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat.

Upacara itu menyingkap tabir memori leluhur (nenek moyang) yang mengeksplorasi laut yang menggabungkan konsep keharmonian antara manusia dan laut. - ©BERNAMA

Myanmar terima lebih 5,300 aduan rasuah dalam tempoh 11 bulan

YANGON, 17 Dis. - Pihak berkuasa Myanmar menerima 5,372 aduan berkaitan rasuah di seluruh negara dalam tempoh 11 bulan tahun ini, lapor agensi berita Xinhua. Menurut kenyataan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pada Khamis, dari Januari hingga November, kebanyakan aduan yang diterima dari wilayah Yangon sebanyak 1,315, diikuti wilayah Mandalay (1,127) dan Bago (98).

Aduan rasuah yang diterima itu antara lain berkaitan kesalahan dalam pengurusan dan pentadbiran, pengurusan tanah, kes mahkamah dan lain-lain. Pada 2018 suruhanjaya itu menerima 10,543 aduan manakala pada 2019 sebanyak 9,394. Undang-undang Pencegahan Rasuah Myanmar berkuat kuasa pada September 2013 disusuli dengan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pada 2014. Pada November 2017 suruhanjaya itu melakukan beberapa pembaharuan. - ©BERNAMA

Kes kematian COVID-19 meningkat di Jordan, Gaza

ISTANBUL, 17 Dis. - Jordan dan Gaza pada Rabu mengumumkan lebih banyak kematian COVID-19 ketika usaha membendung penularannya masih berterusan. Kementerian Kesihatan Jordan berkata 28 orang meninggal dunia dalam tempoh 24 jam terakhir, menjadikan jumlah kematian di negara ini kepada 3,465 orang, lapor Agensi Anadolu.

Menurut Kementerian itu 2,561 individu lagi dijangkiti menjadikan jumlah keseluruhan 267,585. Seramai 4,029 pesakit pulih, dengan keseluruhan ialah 230,274. Sementara itu, Kementerian Kesihatan Gaza menyatakan 1,015 orang disahkan positif COVID-19 jumlah harian tertinggi sejak virus itu mula dikesan pada Ogos. Kes baharu keseluruhan ialah 31,161. Sebanyak 2,427 lagi ujian saringan dilakukan, 41 peratus daripadanya dilaporkan positif. - ©BERNAMA

COVID-19 : EU tarik balik larangan perjalanan 7 negara

BRUSSELS, 18 Dis. - Negara Kesatuan Eropah (EU) mula membuka semula sempadannya untuk beberapa negara selepas ia ditutup ekoran penularan COVID-19 pada Mac lalu.

Menurut laporan Agensi Anadolu, Majlis Eropah telah mengemas kini senarai nama negara dan mengeluarkan versi terbaru, sejak kali terakhir ia dikemas kini 22 Oktober lalu.

Antara negara yang tersenarai ialah Australia, Jepun, New Zealand, Rwanda, Singapura, Korea Selatan dan Thailand.

Sempadan juga akan dibuka untuk China jika negara EU memberikan permit kebenaran perjalanan kepada rakyat negara ini.

Negara yang tidak tersenarai bermakna sekatan perjalanan masih berterusan termasuk United Kingdom, bagaimanapun, senarai itu akan dikemas kini semula berdasarkan situasi semasa COVID-19.

Pada Mac, EU turut mengenakan sekatan perjalanan tidak wajib terhadap 27 negara anggota serta Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland untuk mengekang penularan wabak. - ©BERNAMA

Twitter rancang perkenal fungsi baharu tahun depan

WASHINGTON, 18 Dis. - Twitter bakal memperkenalkan fungsi baharu pada tahun depan untuk membolehkan pengguna membezakan antara akaun yang dikendalikan oleh manusia dan automatik, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Pada 2021, kami merancang membangunkan jenis akaun baharu untuk mengenal pasti akaun automatik (bot) dengan akaun dikendalikan manusia, bertujuan memudahkan pengguna membezakannya," umum syarikat itu pada Khamis.

Hantaran Twitter secara automatik, juga disebut bot, dapat digunakan untuk berkongsi pemberitahuan kecemasan yang berguna, tetapi ia juga mungkin alat propaganda dan maklumat yang salah.

Twitter berkata pada tahun depan pihaknya juga merancang memperkenalkan satu lagi pilihan sama ada untuk menyimpan atau menutup "akaun peringatan" iaitu akaun pengguna yang meninggal dunia. - ©BERNAMA

UMP rangkul dua anugerah MCY 2020

KUANTAN, 18 Dis. - Dua produk ciptaan pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkul Anugerah Tahun Pengkormesialan Malaysia (MCY 2020) anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

UMP dalam kenyataan media hari ini memaklumkan produk tersebut adalah peranti 'Vein Display Instrument' ciptaan pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Dr Mohd Zamri Ibrahim yang meraih Anugerah Utama bagi kategori Inovator Baharu.

Ciptaan pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Mekanikal dan Automotif Dr Mohamad Firdaus Basrawi iaitu alat penyedut madu menggunakan bateri yang dinamakan 'Sleek Pump', pula meraih anugerah sagu hati bagi kategori Usahawan Penyelidik.

Anugerah tersebut disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Khairy Jamaluddin pada Sidang Kemuncak Tahun Pengkormesialan (MCY Summit) 2020 berlangsung secara dalam talian semalam.

Sementara itu, Zamri berkata penciptaan peranti elektronik bersaiz ukuran tapak tangan dilengkapi kamera khas itu dapat memaparkan lokasi pembuluh

darah atau vena di skrin tanpa perlu menyentuh kulit.

"Peranti ini dapat membantu doktor atau pegawai perubatan mencari lokasi pembuluh darah kerana terdapat lebih 90 peratus pesakit memerlukan prosedur rawatan terapi IV (Intravena) selain lebih satu billion prosedur dilakukan untuk mendapatkan sampel darah untuk ujian kesihatan," katanya.

Mohamad Firdaus pula berkata mengenai ciptaannya 'Sleek Pump', selain mudah dibawa ia juga lebih efisien digunakan untuk menyedut madu kelulut supaya kualiti madu yang diambil tidak terjejas. - ©BERNAMA

Pesawat Boeing 737 MAX bakal beroperasi semula di Kanada

TORONTO, 18 Dis. - Pihak berkuasa penerbangan Kanada meluluskan perubahan reka bentuk pesawat Boeing 737 MAX, menyaksikan rintangan pertama dapat diselesaikan untuk membolehkan kapal terbang itu beroperasi semula di negara ini, lapor agensi berita Sputnik.

"Pakar keselamatan Transport Canada sudah menyiapkan penilaian mereka terhadap perubahan reka bentuk pesawat Boeing 737 MAX yang baru-baru

ini disahkan oleh Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA), dan meluluskan perubahan itu," kata Transport Canada dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kelulusan itu membolehkan cadangan pengubahsuaian reka bentuk dibuat pada pesawat yang didaftarkan di Kanada.

Namun, sebelum 737 MAX boleh beroperasi semula, Boeing perlu mematuhi Arahan Kelayakan Terbang negara itu, yang merangkumi perubahan dalam

program latihan juruterbang dan melanjutkan tempoh pemeriksaan penyelenggaraan pesawat yang sebelum ini dikenakan larangan.

Pesawat 737 MAX dilarang beroperasi ekoran dua nahas udara - Lion Air di Indonesia pada Oktober 2018 dan Ethiopian Airlines pada Mac 2019.

Siasatan terhadap nahas itu mendapati terdapat kesilapan dalam fungsi sistem pesawat selain kesilapan prosedur standard keselamatan Boeing. - ©BERNAMA



Biden usul lantik orang asli pertama terajui Jabatan Dalam Negeri

WASHINGTON, 18 Dis. - Bakal Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden merancang mencalonkan anggota kongres wanita New Mexico, Deb Haaland sebagai ketua Jabatan Dalam Negeri, pemimpin pertama dari kalangan penduduk asal Amerika, menurut Agensi Anadolu memetik beberapa laporan pada Khamis.

Kira-kira 20 peratus kawasan di AS berada di bawah kendalian Jabatan Dalam Negeri termasuk bertanggungjawab mengurus dan memulihara tanah persekutuan dan sumber semula jadi, serta mengawasi program berkaitan urusan Orang Asli.

Keputusan itu berikutan gesaan pemimpin Orang Asli dan ketua puak yang menjadi sebahagian

daripada kumpulan yang telah berminggu-minggu mendesak Biden memilih Haaland, menurut laporan Washington Post dan The Associated Press.

Haaland, 60, dilahirkan di Navajo, Arizona dan berkelulusan undang-undang dari Universiti New Mexico sebelum menjadi anggota Kongres pada 2018.

Pada November, beliau memberitahu radio NPR pelantikan itu 'sangat bermakna kepada Negara Indian' - kawasan yang didiami majoriti puak

peribumi.

"Ketika Sharice [Davids] dan saya angkat sumpah jawatan, semua orang sangat gembira. Ia amat bermakna bagi sekumpulan orang yang telah berada di sini sejak dahulu kala kerana kini mereka sudah ada wakil," katanya.

"Saya rasa ini benar-benar akan mengubah tanggapan rakyat terhadap kerajaan persekutuan."

Pelantikan itu bergantung kepada pengesahan Senat, yang kemungkinan besar akan

mendapat sokongan dewan, dan beliau bakal menjadi orang asli Amerika pertama mengetuai jabatan itu sejak lebih 170 tahun sejarah penubuhannya.

Beliau bakal menjadi anggota Dewan Perwakilan Demokrat ketiga yang berkhidmat dalam pentadbiran Biden.

Speaker Dewan Nancy Pelosi pada Rabu berkata dalam satu kenyataan, jika Biden memilih Haaland 'beliau telah membuat pilihan tepat'. - ©BERNAMA

MAQIS tahan dua ekor kucing British Shorthair dari Ukraine

PUTRAJAYA, 18 Dis. - Dua ekor kucing British Shorthair yang diimport dari Ukraine ditahan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Rabu lepas setelah nombor mikrochip pada haiwan itu didapati berbeza, daripada dokumen permit import yang diisytiharkan.

Pengarah Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor Dr Tarmisal Alimin berkata MAQIS mengesan kesalahan nombor mikrochip pada dua ekor kucing itu, ketika melakukan pemeriksaan di Kompleks Kargo KLIA.

"Nombor mikrochip yang terdapat pada badan kucing jenis British Shorthair itu, tidak sama dengan dokumen permit import yang diisytiharkan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata mengimport haiwan kesayangan dengan mengisytiharkan maklumat palsu, tidak tepat, atau mengelirukan, merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, yang boleh didenda tidak melebihi tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Pihak MAQIS sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara kita," katanya. - ©BERNAMA

Kes global COVID-19 lempi 74 juta

NEW YORK, 17 Dis. - Kes COVID-19 global mencecah 74,087,090 dengan 1,646,687 kematian di seluruh dunia setakat jam 6.28 petang waktu tempatan (2328 GMT), pada Rabu, lapor Agensi Berita Xinhua menurut data dikumpulkan Johns Hopkins University. Amerika Syarikat (AS) melaporkan sejumlah 16,914,853 kes dan 307,064 kematian, kedua-duanya adalah tertinggi di dunia, diikuti India sebanyak 9,932,547 kes.

Sementara itu Brazil merekodkan 7,040,608 kes dan 183,735 kematian, kedua tertinggi di dunia. Negara-negara dengan lebih 1.8 juta kes termasuk Rusia, Perancis, Turki, Britain dan Itali sementara negara yang mencatat lebih 52,000 kematian antaranya India, Mexico, Itali, Britain, Perancis dan Iran, menurut data itu.

Kes global mencecah 70 juta pada 11 Disember. Hanya mengambil masa lima hari untuk meningkatkan jumlah kes kepada 74 juta. AS kekal sebagai negara paling teruk dijangkiti, menyumbang lebih 22 peratus kes global. Pada Selasa, AS menambah 3,019 kematian, jumlah korban ketiga tertinggi sejak pandemik itu bermula. Ia juga menandakan hari ke-43 berturut-turut lebih 100,000 kes dilaporkan setiap hari sejak November. - ©BERNAMA

Indonesia naikkan tarif eksport minyak sawit mentah

HANOI, 17 Dis. - Indonesia, pengeluar minyak sawit terbesar dunia, akan menaikkan tarif eksport minyak sawit mentah (MSM) untuk menyokong program wajib pemerintah, bahan bakar-bio.

Sehubungan itu, negara ini mengenakan cukai eksport progresif dari US\$55 hingga US\$255 bagi setiap tan metrik MSM bergantung pada harga rujukan, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Timbalan Menteri Koordinasi Ekonomi Indonesia untuk Makanan dan Pertanian Musdhalifah Machmud berkata, dasar tersebut akan disemak setiap bulan agar bersesuaian dengan keadaan ekonomi.

Agensi penarafan kredit Fitch Ratings pada Isnin mengatakan kenaikan cukai eksport akan meningkatkan penggunaan biodiesel tahun depan bagi mengimbangi beban subsidi.

Menurut Persatuan Minyak Sawit Indonesia, eksport MSM tahunan akan menurun sebanyak 18 peratus tahun ini kepada 24.92 juta tan metrik, kebanyakannya disebabkan oleh kemerosotan permintaan dari Kesatuan Eropah, China dan India. - ©BERNAMA

China : Misi Chang'e-5 berjaya

BEIJING, 17 Dis. - Prob penyelidikan angkasa lepas China, Chang'e-5 selamat pulang ke bumi awal pagi Khamis, sekali gus menandakan kejayaan misi pertama negara itu untuk mengutip sampel dari planet lain. Kapsul prob itu mendarat di daerah Siziwang, Wilayah Autonomi Mongolia Dalam di bahagian utara China pada 1.59 pagi selepas melakukan eksplorasi selama lebih 20 hari.

Misi membawa pulang sampel batu dan tanah dari bulan oleh Chang'e-5 merupakan yang

pertama dilakukan manusia dalam tempoh empat dekad. Naib ketua Jabatan Pentadbiran Angkasa Lepas Negara China (CNSA), Wu Yanhua memaklumkan misi Chang'e-5 memuktamadkan kejayaan program eksplorasi bulan yang mempunyai tiga fasa, iaitu mengorbit bulan, melakukan pendaratan serta membawa pulang sampel tanah dan batu.

Wu turut menyifatkan sampel tersebut sebagai amat berharga yang dapat membantu merungkai misteri alam semesta dan meletakkan asas untuk misi

ekspedisi ke planet lain pada fasa selanjutnya. Chang'e-5 merupakan program paling rumit dan mencabar dalam sejarah eksplorasi angkasa lepas China, yang turut menyaksikan penginovasinya dilakukan dalam beberapa teknologi. Kejayaan misi Chang'e-5 adalah signifikan terutamanya dalam menaik taraf teknologi aeroangkasa, melengkapkan sistem program penjelajahan bulan, serta melaksanakan penyelidikan saintifik mengenai bulan. - ©BERNAMA

Kanada, AS meterai perjanjian hantar angkasawan mengelilingi bulan

OTTAWA, 17 Dis. - Kanada telah menandatangani perjanjian dengan Amerika Syarikat (AS) untuk menghantar angkasawan mengelilingi bulan pada 2023, lapor Agensi Berita Xinhua memetik Menteri Inovasi, Sains dan Industri Kanada Navdeep Bains, pada Rabu.

Pada sidang media video, Bains melancarkan Perjanjian Gateway, mengenai penglibatan rasmi Kanada dalam usaha yang dipimpin AS untuk membina sebuah stesen angkasa antarabangsa baharu di atas permukaan bulan untuk membolehkan eksplorasi dan misi masa depan ke Marikh.

Perjanjian itu merangkumi komitmen untuk melibatkan warga Kanada ketika AS melakukan penerbangan ke bulan pada 2023, serta penerbangan kedua ke stesen masa depan. Ia tidak termasuk pendaratan di bulan.

"Dilancarkan pada 2023, angkasawan Agensi Angkasa Kanada akan menyertai Artemis 2, misi pertama untuk membawa manusia ke orbit bulan selepas lebih 50 tahun. Ini akan menjadikan Kanada sebagai negara kedua selepas AS yang mempunyai angkasawan di angkasa lepas," Bains memberitahu sidang media bersama beberapa angkasawan Agensi Angkasa Kanada.

Di bawah perjanjian itu, Kanada akan menyumbang lengan robotik baharu untuk membantu pembinaan Lunar Gateway, yang akan mengorbit bulan dan membolehkan penerbangan permukaan bulan dan membantu misi masa depan ke Marikh.

Bains tidak menyatakan jumlah kos yang perlu ditanggung Kanada untuk menyertai penerbangan Artemis 2, yang akan mengikuti

penerbangan tanpa pemandu ke bulan yang dijadualkan AS tahun depan.

Awal bulan ini, Kanada memberikan C\$22.8 juta (US\$17.88 juta) untuk fasa pertama mengembangkan Canadarm 3, lengan robotik baharu yang akan digunakan di stesen bulan.

"Penting untuk saya nyatakan bahawa kita adalah negara angkasa lepas, dan amat berbangga dengan sejarah angkasa kita," kata menteri Kanada itu. "Dan pelaburan ini berkaitan dengan program Artemis 2, serta strategi keseluruhan angkasa lebih C\$2 bilion selama 24 tahun ke depan."

Agensi Angkasa Kanada adalah antara beberapa rakan kongsi dalam usaha yang dipimpin AS bersama dengan Agensi Angkasa Eropah dan Jepun. - ©BERNAMA

Penyiasat AS berjaya kesan ancaman siber pada peringkat awal

WASHINGTON, 17 Dis. - Serangan siber ke atas agensi-agensi kerajaan Amerika Syarikat (AS) masih pada peringkat awal, lapor Agensi Berita Sputnik memetik kenyataan bersama Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI), Agensi Keselamatan Siber dan Infrastruktur (CISA) dan Pejabat Pengarah Perisikan Nasional (ODNI).

"Sejak beberapa hari lalu, FBI, CISA, dan ODNI telah mengesan ada gerakan ketara yang sedang

mengancam keselamatan siber. Sejaran Arahan Dasar Presiden (PPD) 41, FBI, CISA, dan ODNI telah membentuk Kumpulan Koordinasi Bersama Siber (UCG) untuk menyelaraskan tindak balas kerajaan terhadap ancaman siber ini.

"UCG bertujuan menyelaraskan usaha setiap agensi ini ketika mereka melaksanakan tugas berasingan.

"Kami sedang berusaha untuk memahami sejauh mana kesan ancaman ini dan ia masih disiasat.

Kami tahu ia telah menjejaskan rangkaian kerajaan persekutuan," menurut kenyataan itu pada Rabu.

"Sebagai peneraju gerakan ini, FBI sedang menyiasat dan mengumpulkan maklumat untuk mengait, memburu dan menyekat dalang ancaman ini. FBI menyiasat mereka yang menjadi mangsa atau disyaki menjadi mangsa dan segala maklumat yang diperoleh akan diselaras dengan agensi lain untuk tindakan lanjut," jelas kenyataan itu. - ©BERNAMA

Insiden penggodaman, penasihat keselamatan AS singkatkan lawatan



WASHINGTON, 16 Dis. - Penasihat Keselamatan Negara Rumah Putih Robert O'Brien menyingkatkan lawatannya di Eropah dan pulang ke Amerika Syarikat (AS) untuk menangani insiden penggodaman baru-baru ini yang menyasarkan beberapa agensi persekutuan, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Duta Besar O'Brien kembali untuk menangani insiden penggodaman," kata jurucakap Majlis Keselamatan Negara John

Ullyot dalam satu kenyataan, seperti dipetik Wall Street Journal pada Selasa.

Laporan itu mengatakan O'Brien akan mengadakan mesyuarat pada Selasa petang dan Rabu pagi diikuti pertemuan dengan pihak peringkat tinggi akhir minggu ini.

Beliau dijadualkan pulang pada Sabtu. Selepas menamatkan lawatan ke Israel dan Perancis, beliau dijadualkan ke Itali, Jerman, Switzerland dan United Kingdom

minggu ini.

Pada Ahad, media AS melaporkan kumpulan penggodam yang didakwa disokong pemerintah asing telah mencuri data Jabatan Perbendaharaan dan Pentadbiran Telekomunikasi dan Maklumat.

The Washington Post melaporkan kumpulan penggodam APT29, juga dikenali sebagai "the Dukes" atau "Cozy Bear," dikatakan mempunyai kaitan dengan kerajaan Rusia, dalang di

sebaliknya insiden itu tetapi tidak menunjukkan bukti dakwaan tersebut.

Kumpulan penggodam dilaporkan mendapat akses dengan menjejaskan perisian SolarWinds yang berpangkalan di Texas. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat

jarak jauh di seluruh dunia, termasuk beberapa agensi kerajaan dan tentera AS.

Kedutaan Rusia di AS menyatakan laporan media Amerika yang menuduh penglibatan penggodam Rusia ke atas serangan siber itu sebagai tidak berasas. - ©BERNAMA

Projek Mega Guizhou bantu jayakan pembasmian kemiskinan di China

BEIJING, 16 Dis. - Filem dokumentari BBC telah memperkenalkan Jambatan Beipangjiang di sempadan wilayah Yunnan dan Guizhou sebagai jambatan tertinggi di dunia.

Antara 100 jambatan tertinggi di dunia, kira-kira 80 daripadanya berada di China dan kebanyakannya di wilayah Guizhou.

Satu persoalan, mengapa begitu banyak jambatan tinggi dibina di Guizhou?

Kalau anda buka peta dan cari wilayah Guizhou, anda boleh dapati ia terletak di barat daya China, iaitu 92 peratus kawasannya merupakan pergunungan.

Meskipun Guizhou kaya dengan sumber alam, kekurangan jaringan pengangkutan telah membantutkan pembangunan tempatan.

Banyak kampung bahkan bandar terletak di kawasan atau lembah gunung, jika mahu menggunakan jalan sedia ada, penduduk tempatan perlu melalui jalan yang berliku-liku dan memakan masa yang panjang.

Antara lebuhraya yang sedang dibina di Guizhou, terdapat satu projek yang sebahagian besarnya diusahakan oleh 37 pekerja dari daerah Congjiang.

Congjiang merupakan daerah terakhir di Guizhou yang bersambung dengan jaringan jalan.

Dulu penduduk tempatan pernah cuba membina jalan untuk kampung sendiri secara sukarela

dengan menggunakan batu gunung.

Beberapa tahun lalu, Jabatan Pengangkutan Guizhou diberi tugas membantu Congjiang membasmi kemiskinan.

Ramai penduduk tempatan dilatih untuk terlibat dalam projek pembinaan jalan di kampung sendiri.

Jika dulu, perjalanan penduduk Congjiang mengambil masa dua hari untuk ke ibu kota Guizhou. Kini ia dapat dipendekkan kepada 1.5 jam dengan menaiki kereta api laju, dan empat jam kalau menggunakan lebuhraya.

Bukan hanya hasrat penduduk tempatan menyumbang kepada pembangunan kampung halaman menjadi kenyataan, rezeki mereka juga terjamin.

Selepas projek di Congjiang selesai, mereka menjadi pekerja mahir dan terlibat dalam lebih banyak projek untuk memajukan infrastruktur di Guizhou.

Ini memperlihatkan kesungguhan di peringkat akar umbi hingga ke kerajaan untuk memperbaiki keadaan pengangkutan.

Pembinaan infrastruktur memerlukan peruntukan yang tinggi, khususnya di Guizhou jika mahukan perubahan besar dilihat.

Ia bukanlah perkara mudah untuk melaksanakan agenda untuk membina lebuhraya atau landasan kereta api dari satu bandar ke bandar lain.

Banyak kesukaran dan tugas getir perlu diharungi terutamanya

untuk membina terowong yang merentasi gunung-ganang dan jambatan menyeberangi kawasan lembah.

Sepuluh tahun lalu, Guizhou telah memperuntukkan 800 bilion yuan (RM500 bilion) untuk projek pembinaan infrastruktur.

Kini, kos pembinaan lebuhraya di wilayah itu sepanjang 7,600 kilometer, meningkat empat kali ganda.

Ia termasuk landasan kereta api sejauh kira-kira 4,000 kilometer merangkumi 1,500 kilometer landasan kereta api laju.

Peruntukan besar turut menjana pembangunan yang pesat.

Untuk rekod, Guizhou merupakan antara tiga wilayah yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi terpesat di China dalam lapan tahun lalu dan tahun lepas berjaya menduduki tempat pertama.

China telah menyempurnakan matlamat pembasmian kemiskinan pada era baharu ini seperti dijadualkan. Lebih lima juta penduduk miskin Guizhou kini berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan dan menikmati kehidupan yang bahagia.

Kira-kira 50 jambatan di Guizhou tersenarai antara 100 jambatan tertinggi dunia bukanlah untuk memecahkan rekod Guinness, tetapi menjadi simbol komitmen Guizhou dan China untuk mengatasi pelbagai kesukaran dalam pembangunan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat. - ©BERNAMA

Boeing perkenal kaedah basmi kuman dengan haba atasi COVID-19

SAN FRANCISCO, 16 Dis. - Boeing pada Selasa mengumumkan ia bekerjasama dengan Universiti Arizona Amerika Syarikat untuk menerapkan teknik lama dalam memerangi COVID-19, pembasmian kuman dengan haba.

Penyelidik mengesahkan bahawa penggunaan haba ke permukaan, terutama pada peralatan dek pesawat yang sukar dibersihkan, dapat menghilangkan SARS-CoV-2 dengan efektif, lapor Agensi Berita Xinhua memetik pengumuman itu.

Dapatan kajian menunjukkan 99.99 peratus virus itu dapat dimusnahkan setelah tiga jam terdedah kepada suhu 50 darjah Celsius (120 darjah Fahrenheit).

Ia masih dapat dihapuskan dengan berkesan melebihi 99.99 peratus apabila terdedah kepada suhu 40 darjah Celsius (104 darjah Fahrenheit).

"Keselamatan penumpang dan anak kapal dari kabin hingga dek penerbangan adalah keutamaan kami," kata Ketua Inisiatif Jaminan Penerbangan Boeing (CTI). "Pembasmian kuman haba memberi pilihan lain dalam memusnahkan COVID-19 pada komponen sensitif dan sukar dicapai yang melindungi juruterbang."

Boeing menyelesaikan ujian dilakukan di persekitaran makmal yang dilindungi di universiti itu dengan menggunakan bahagian dek penerbangan dan SARS-CoV-2, virus yang menyebabkan COVID-19, pada musim luruh ini.

"Pada dasarnya kami memasak virus itu," kata ahli mikrobiologi Universiti Arizona dan pakar penyakit berjangkit, Charles Gerba. "Pembasmian kuman haba adalah satu daripada cara tertua untuk membunuh mikro-organisma penyebab penyakit. Ia digunakan oleh ahli mikrobiologi di makmal kami setiap hari."

Dek penerbangan direka untuk menahan suhu hingga 160 darjah Fahrenheit (kira-kira 70 darjah Celsius), membolehkan pembasmian kuman termal sebagai kaedah pembersihan yang selamat, praktikal dan berkesan, kata Boeing. - ©BERNAMA

EU dijangka beri vaksin COVID-19 sebelum akhir tahun

ANKARA, 16 Dis. - Kesatuan Eropah (EU) dijangka memulakan pemberian vaksin COVID-19 sebelum akhir tahun ini, lapor Agensi Anadolu, memetik kenyataan Agensi Ubat-Ubatan Eropah (EMA) pada Selasa. Mesyuarat mengenai vaksin itu akan diadakan pada 21 Disember, lapan hari lebih awal berbanding yang dirancang sebelum ini.

Ketua Suruhanjaya EU Ursula von der Leyen menulis di Twitter, menyambut baik keputusan EMA itu: "Setiap hari sangat penting - kami bertungkus lumus bekerja untuk meluluskan vaksin COVID-19 yang selamat dan berkesan. Mungkin rakyat Eropah akan mula diberi vaksin sebelum akhir 2020!"

Kenyataan EMA dikeluarkan selepas Menteri Kesihatan Jerman Jens Spahn berkata pihaknya menjangkakan kelulusan untuk vaksin COVID-19 boleh diperolehi sebelum Krismas. EU telah membuat perjanjian untuk membeli kira-kira dua bilion dos vaksin dengan enam syarikat termasuk 300 juta dari Pfizer dan BioNTech. Selain itu, EU juga menandatangani kontrak dengan Moderna, AstraZeneca, CureVac, Johnson & Johnson dan Sanofi-GlaxoSmithKline. EMA bertanggungjawab memberi kelulusan terhadap penggunaan ubat-ubatan untuk semua negara anggota. - ©BERNAMA

Presiden Brazil ucap tahniah kepada Biden

RIO DE JANEIRO, 16 Dis. - Presiden Brazil Jair Bolsonaro pada Selasa mengucapkan tahniah kepada bakal presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden atas kemenangannya dalam pemilihan presiden.

Dalam ciapan Twitter yang ditulis dalam bahasa Portugis, Bolsonaro berkata sudah bersedia untuk bekerjasama dengan pentadbiran baharu dan terus "membina pakatan Brazil-AS" demi kepentingan rakyat, lapor Agensi Berita Xinhua.

Mesej itu turut disiarkan di laman web Kementerian Luar Brazil. Undi Elektoral AS pada Isnin memihak kepada berikatan Biden yang memperoleh 306 undi sekali gus mengesahkan kemenangannya dalam pilihan raya November.

Biden akan mengambil alih jawatan pada 20 Januari 2021. - ©BERNAMA

Bahrain antara negara terawal menikmati liputan 5G meluas

MANAMA, 16 Dis. - Liputan 5G di Bahrain kini sudah mencapai 95 peratus dan pencapaian itu menjadi tonggak penting memacu negara ini ke arah penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kata Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi Kamal Ahmed Mohammed.

"Ia termasuk persediaan untuk meningkatkan perkhidmatan ICT generasi mendatang seperti internet benda, komunikasi mesin ke mesin dan kemunculan teknologi baharu.

"Pencapaian ini juga mengukuhkan kedudukan Bahrain sebagai sebuah negara yang menikmati infrastruktur telekomunikasi tetap dan tanpa wayar yang mantap dan mudah diakses. Ia juga sebahagian usaha menyatukan ekonomi digital

kerajaan, pengembangan proses transformasi digital di semua sektor, dan sektor baharu seperti kecerdasan buatan.

"Ia seharusnya membolehkan sektor komunikasi dan teknologi maklumat menyokong pertumbuhan yang lebih baik di semua sektor ekonomi dan meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi," katanya kepada Agensi Berita Bahrain (BNA).

Beliau menekankan pentingnya memperkukuh infrastruktur komunikasi pintar dan mewujudkan peraturan yang akan mendorong inovasi dan pelaburan di sektor telekomunikasi, ketika Bahrain hari ini menjadi antara negara pertama yang menyediakan perkhidmatan 5G pada skala besar di peringkat tempatan di dunia.

"Kami terus berusaha untuk memastikan bahawa Kerajaan Bahrain mempertahankan kedudukannya di antara peneraju global dalam sektor penting ini," tambahnya.

Indeks Pembangunan ICT Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (IDI) meletakkan Bahrain sebagai peneraju dunia Arab dan ke-31 di peringkat global, mencerminkan kemajuan penting yang telah dicapai oleh Bahrain dalam sektor ini sejak liberalisasi sektor telekomunikasi.

Sektor telekomunikasi di Bahrain menarik jumlah pelaburan sebanyak BD 787 juta (lebih US\$2 bilion) antara 2009 dan 2019 dan menyumbang tiga peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2019. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

PAINTBALL merupakan sukan menembak yang menggunakan senjata udara bertenaga rendah dikenali sebagai *marker paintball*. Paintball mula dikembangkan sekitar tahun 1981 di New Hampshire. Sukan ini dimainkan untuk rekreasi dan juga pada tahap sukan formal dengan pertandingan yang melibatkan pasukan dan pemain profesional.



ePaper Pelita Brunei

Kerjasama jayakan aktiviti

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - D'Sunlit Sdn. Bhd. sekali lagi akan menganjurkan The Alpha Challenge 2020 dengan membawakan keseluruhan tema 'Legend of the Hunters' bersempena dengan Brunei December Festival (BDF 2020) dan disokong oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Kita sedia maklum bahawa aktiviti mendaki merupakan trend terkini di negara ini, dari itu cabaran The Alpha Challenge-Legend of the Hunters akan menentang kepada dua acara, iaitu cabaran berhalangan bertemakan 'The Hunter Edition' dan akan diadakan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas pada 27 Disember ini nanti.

Sementara acara mendaki secara *virtual* pula dengan membawa temanya 'Hill Hunter Edition' sudah dilaksanakan dari 1 hingga 15 Disember lalu.

Sehubungan dengan acara pada 27 Disember akan datang ini, Majlis Penandatanganan Perjanjian diadakan di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. hari ini dengan beberapa rakan dan penaja daripada organisasi serta syarikat bagi menjayakan acara

itu nanti.

Menandatangani bagi pihak D'Sunlit Sdn. Bhd. ialah Pengarah Urusannya, Jackson Ting dan diiringi oleh Pengurus Operasi, Ngu Tiing Siang. Manakala pihak rakan dan penaja organisasi serta syarikat diwakili daripada setiap perwakilan masing-masing.

The Alpha Obstacle Challenge merupakan perlumbaan cabaran terbesar di negara ini dan larian yang penuh halangan yang bertujuan untuk mencabar daya intelektual dan fizikal para peserta. Ia juga menjadikan peserta untuk agar memiliki ketahanan, tekad, dorongan dan kerjasama berpasukan.

Manakala bagi aktiviti Tide Hunter Edition dibahagikan kepada dua kategori iaitu 5km dan 10km.

Pihak penganjur juga mengambil langkah keselamatan dengan mengehadkan jumlah penyertaan dalam setiap slot serta menyediakan sarung tangan yang wajib dipakai kepada setiap peserta demi mengelakkan bersentuhan tangan dan juga mengikut garis panduan serta nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan.



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian bagi The Alpha Challenge 2020 di mana D'Sunlit Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusannya, Jackson Ting dan diiringi oleh Pengurus Operasi, Ngu Tiing Siang, manakala pihak rakan dan penaja organisasi serta syarikat diwakili daripada setiap perwakilan masing-masing.

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi D'Sunlit Sdn. Bhd. menerusi talian +673 2453666 atau menerusi e-mel thealphachallengebn@gmail.com dan juga

media sosial, Facebook *The Alpha Challenge* dan ikuti di Instagram [@thealphachallengebn](https://www.instagram.com/thealphachallengebn) bagi sebarang maklumat terkini.

Qatar dipilih tuan rumah Sukan Asia 2030

MUSCAT, 17 Dis. - Qatar pada Rabu dipilih tuan rumah Sukan Asia 2030 pada Perhimpunan Agung ke-39 Majlis Olimpik Asia (OCA) yang berlangsung di ibu kota Oman, Muscat lapor Agensi Berita Qatar. Presiden OCA Sheikh Ahmad Al-Fahad Al-Sabah mengumumkan Qatar memenangi bidaan menjadi tuan rumah sukan itu selepas mendapat 27 undi berbanding Riyadh yang memperoleh 10 undi.

Sementara lapan lagi negara tidak mengambil bahagian dalam pengundian itu, menurut OCA. Doha pernah menjadi tuan rumah Sukan Asia pada 2006. Qatar akan menjadi tuan rumah Piala Dunia 2022 buat julung kalinya di Timur Tengah.

Presiden Jawatankuasa Olimpik Qatar (QOC) dan Pengerusi Doha 2030 Sheikh Joaan bin Hamad Al-Thani dalam ucapannya semasa bidaan, menegaskan kesediaan Qatar untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2030 dan telah berusaha selama 20 tahun untuk membangunkan kemudahan sukan bertaraf dunia.

Menurutnya, Qatar telah membina lebih 200 kemudahan sukan dan pernah

menjadi tuan rumah kepada lebih 50 kejohanan serantau dan antarabangsa. Katanya, kemudahan itu juga menerima pengiktirafan pelbagai persekutuan dan jawatankuasa Olimpik, yang mengesahkan atlet Asia mampu bersaing di peringkat tertinggi.

Sukan Asia adalah kejohanan terbesar yang diselia Majlis Olimpik Asia, dan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik Musim Panas, dengan penyertaan lebih 10,000 atlet dari 45 negara Asia. Selain Sukan Asia ke-15, Qatar mempunyai rekod baik dalam mengatur kejuaraan dunia, termasuk Kejohanan Olahraga Dalam Dewan Dunia 2010, Kejohanan Olahraga Dunia IAAF 2014, Kejohanan Bola Baling Dunia 2015, Kejohanan Lumba Basikal Lebuhraya Dunia UCI 2016, Kejohanan Gimnastik Artistik Dunia 2018, Kejohanan Olahraga Dunia 2019, dan Kejohanan Sukan Pantai Dunia Qatar 2019 kali pertama. Qatar akan mengatur beberapa lagi kejohanan besar, antaranya Piala Dunia FIFA 2022, Kejohanan Akuatik Dunia 2023, dan Kejohanan Judo Dunia 2023. - ©BERNAMA

Lewandowski rangkul Anugerah Pemain Lelaki Terbaik FIFA

LONDON, 18 Dis. - Penyerang Bayern Munich, Robert Lewandowski merangkul Anugerah Pemain Lelaki Terbaik FIFA pada Khamis, menewaskan dua finalis lain Cristiano Ronaldo dan Lionel Messi, lapor Agensi Berita Xinhua.

Majlis anugerah tahun ini diadakan secara maya di ibu pejabat FIFA di Zurich, Switzerland.

Lewandowski, 32, dinobatkan pemain lelaki terbaik FIFA buat julung kali selepas mempamerkan aksi luar biasa dengan kelab Jerman itu.

Menjaringkan 55 gol dalam 47 perlawanan musim lalu, pemain kebangsaan Poland itu membantu Bayern Munich menyapu bersih perlawanan domestik dan Eropah selain menduduki tangga teratas Bundesliga dan tempat kedua Liga Juara-Juara Eropah (UEFA).

Pemain pertahanan England, Lucy Bronze memenangi Anugerah Pemain Wanita Terbaik mengalahkan Pernille Harder (Denmark) dan Wendie Renard (Perancis).

Bronze, 29, kembali ke Manchester

City musim panas ini selepas tiga tahun di Lyon, dan merangkul tiga gelaran masing-masing untuk Liga Juara-Juara dan Liga Perancis.

Jurulatih Jerman Jurgen Klopp dinobatkan Jurulatih Lelaki Terbaik dua tahun berturut-turut apabila berjaya membawa Liverpool menduduki tangga teratas Liga England buat pertama kali dalam tempoh 30 tahun.

Sementara itu, anugerah Jurulatih Wanita Terbaik menjadi milik Sarina Wiegman, 51, selaku jurulatih pasukan kebangsaan Netherland.

Beliau bakal membimbing pasukan wanita England tahun depan.

Rakan sepasukan Lewandowski, Manuel Neuer pula dinobatkan Penjaga Gol Lelaki Terbaik manakala penjaga gawang Lyon, Sara Bouhaddi mengungguli kategori wanita.

Penyerang Tottenham Hotspur, Son Heung-min membawa pulang Anugerah Puskas untuk gol terbaik ketika aksinya menentang Burnley dalam persaingan Liga Perdana musim lalu. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DUA KENIKMATAN YANG SERING DILUPAKAN MANUSIA ADALAH KESIHATAN, WAKTU LAPANG

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نڠارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam